Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 34 (5): 2837 - 2873 (2026)

PERTANIKA JOURNALS

SOCIAL SCIENCES & HUMANITIES

Journal homepage: http://www.pertanika.upm.edu.my/

Rekonstruksi Konsonan Dialek Melayu Patani Narathiwat Purba

Deela Sinur[1], Shahidi A.H.[1]*, Muhammad Norsyafiq Zaidi[2], Norfazila Ab. Hamid[1], dan Nurul Shuhada Shafie[1]

[1]Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia
[2]Jabatan Bahasa Melayu dan Pengajian Melayu, Fakulti Kemanusiaan dan Sains Sosial, University Prince of Songkla, 94000 Pattani, Thailand

ABSTRAK

Sehingga kini, masih belum terdapat kajian yang berusaha merekonstruksi bentuk purba dialek Melayu Patani. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada rekonstruksi fonem konsonan dialek Melayu Patani Narathiwat Purba (DMPNP). Penelitian berbentuk kualitatif digarap untuk memenuhi keperluan objektif tersebut melibatkan enam (6) buah lokaliti di wilayah Narathiwat. Lokaliti yang diberikan tumpuan antaranya adalah seperti Kresor, Buketa, Puyok, Munok, Benae Luwas dan Aikubu. Pendekatan kualitatif yang diaplikasikan dalam kajian ini antaranya; kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan. Maklumat dipilih berdasarkan kriteria NORM/F, yang termasuk individu berusia dan menetap di kawasan luar bandar. Proses pencuplikan data melibatkan teknik temu bual, pengajuan gambar, senarai daftar kata dan rakaman yang akan ditransliterasikan kepada simbol bunyi. Teori Rekonstruksi yang diaplikasikan dalam kajian ini untuk penganalisisan data telah berjaya mengekstrak 18 fonem konsonan iaitu enam fonem konsonan letupan (*p, *t, *k, *b, *d dan *ɡ); empat fonem konsonan sengauan (*m, *n, *ɲ dan *ŋ); tiga fonem konsonan geseran (*s, *h dan *ɣ); dua fonem konsonan letusan (*ʧ dan *ʤ); satu fonem konsonan sisian (*l) dan dua fonem konsonan separuh vokal (*w dan *j). Tiga perkara diberikan penekanan dalam bahagian perbincangan antaranya ialah penyerlahan ciri inovasi dan retensi DMPNP dengan bentuk Malayik Purba (MP) dan transisi ciri fonologi keluarga bahasa Tai-Kadai dalam varian DMPNP. Kajian lanjutan terhadap sistem vokal dan diftong DMPNP disarankan bagi memperincikan hubungan kekerabatan antara MP dan DMPNP, serta

ARTICLE INFO

Article history:
Received: 15 April 2025
Accepted: 29 September 2026
Published: 30 October 2026

DOI: https://doi.org/10.47836/pjssh.34.5.22

E-mail addresses:
adila23144@gmail.com (Deela Sinur)
zedic@ukm.edu.my (Shahidi A.H.)
syafiqzaidi95@gmail.com (Muhammad Norsyafiq Zaidi)
norfazilaabhamid@ukm.edu.my (Norfazila Ab. Hamid)
nshuhadashafie@gmail.com (Nurul Shuhada Shafie)
* Corresponding author

© Universiti Putra Malaysia Press

menyusun klasifikasi varian yang lebih sistematik. Setelah semua fonem direkonstruksi, analisis dapat diperluas ke tahap leksikal. Ini termasuk usaha untuk membina kamus leksikal purba untuk dialek ini.

Kata Kunci: Dialek Melayu Patani Narathiwat purba (DMPNP), fonem konsonan, inovasi, kekerabatan, kualitatif, Malayik Purba (MP), Narathiwat, perekonstruksian

Consonant Reconstruction of The Ancient Narathiwat Patani Malay Dialect

ABSTRACT

*To date, no study has attempted to reconstruct the proto-form of the Patani Malay dialect. Accordingly, this study focuses on the reconstruction of consonant phonemes in Proto-Narathiwat Patani Malay Dialect (DMPNP). A qualitative design was employed to fulfill this objective across six localities in the Narathiwat province: Kresor, Buketa, Puyok, Munok, Benae Luwas, and Aikubu. Qualitative methods included library research and fieldwork. Informants were selected based on NORM/F criteria, targeting older individuals residing in rural areas. Data collection utilized interviews, image elicitation, word lists, and audio recordings, which were subsequently transcribed into phonetic symbols. Applying Reconstruction Theory to the data analysis yielded 18 reconstructed consonant phonemes: six plosives (*p, *t, *k, *b, *d, and *g); four nasals (*m, *n, *ɲ, and *ŋ); three fricatives (*s, *h, and *ɣ); two affricates (*ʧ and *ʤ); one lateral (*l); and two semivowels (*w and *j). The discussion highlights three core areas: the innovation and retention features of DMPNP compared to Proto-Malayic (MP), and the transition of Tai-Kadai phonological features within the DMPNP variants. Further research on the vowel and diphthong systems of DMPNP is recommended to refine the genetic relationship between MP and DMPNP, as well as to establish a more systematic classification of its variants. Once all phonemes are reconstructed, the analysis can be expanded to the lexical level, including the compilation of a proto-lexical dictionary for this dialect.*

Keywords: *Consonant phonemes, genetic relationship, innovation, Narathiwat, Proto-Malayic (MP), Proto-Narathiwat Patani Malay Dialect (DMPNP), qualitative, reconstruction*

PENGENALAN

Patani, sekiranya menurut catatan para pelawat China yang berhubung dengan negeri-negeri di Asia Tenggara, telah dikenali pasti sebagai sebuah entiti politik yang dikenali sebagai Langkasuka atau Lang-ya-shiu (Paul Wheatley, 1961, seperti yang dinukilkan dalam Nik Anuar, 2006) sudah pun wujud pada abad kedua Masihi. Berdasarkan catatan tersebut, para ahli sejarah Eropah percaya bahawa lokasi asal negeri Patani terletak di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu, iaitu di antara Senggora (atau wilayah Songkhla) dan

negeri Kelantan, manakala ibu kotanya terletak di kawasan wilayah Pattani, iaitu daerah Yarang (Nik Anuar, 2006).

Dalam konteks kajian ini, istilah "negeri" merujuk kepada unit pemerintahan atau wilayah politik Melayu pada masa lampau, manakala istilah "wilayah" dan "daerah" merujuk kepada unit pentadbiran Thailand pada masa kini. Istilah "negara" pula merujuk kepada entiti politik yang berdaulat, seperti Siam dan Thailand. Pada tahun 1816, Patani dibahagikan kepada tujuh negeri kecil dan dinamakan "Kawasan Tujuh Negeri Melayu" yang meliputi Rangek, Raman, Yala, Yaring, Saiburi, Nongchik, dan Pattani. Berdasarkan nama-nama negeri tersebut, sebahagiannya berstatus sebagai wilayah, manakala sebahagiannya lagi berstatus sebagai daerah di negara Thailand pada masa kini. Yala dan Pattani merupakan wilayah di selatan Thailand, manakala Saiburi, Yaring, dan Nongchik adalah daerah dalam wilayah Pattani. Begitu juga, Raman merupakan daerah dalam wilayah Yala, dan Rangek merupakan daerah dalam wilayah Narathiwat (Ruslan, 2011).

Pada tahun 1902, semasa pemerintahan Raja Chulalongkorn, Patani diserap sepenuhnya ke dalam pemerintahan Siam dan menjadi sebahagian daripada negara Siam (Nanthawan, 1978). Pada tahun 1906, kawasan tujuh negeri kecil itu dibahagikan semula kepada empat negeri, iaitu Pattani, Saiburi, Yala, dan Bangnara. Pada tahun 1915, nama negeri "Bangnara" ditukar kepada negeri "Narathiwat" (Worawit, 1990). Pada tahun 1906, kesemua negeri tersebut disusun dan digabungkan menjadi Monthon Patani (Nanthawan, 1978, seperti yang dinukilkan dalam Ruslan, 2011). Pada tahun 1916, sistem pentadbiran Siam berubah lagi daripada Monthon kepada Changwat (wilayah) (Worawit, 1990). Sejak tahun 1916, negeri Melayu yang dikenali sebagai Patani telah berubah statusnya menjadi wilayah Pattani yang terletak di bahagian selatan Thailand (Ruslan, 2011).

Terdapat dua istilah yang berkaitan dengan perkataan Patani dan Pattani. Kedua-dua istilah ini sering digunakan secara bersinonim, seperti dalam istilah dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Pattani, yang merujuk kepada dialek Melayu yang digunakan di kawasan wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian wilayah Songkhla (Ruslan, 2011). Namun demikian, kajian Paitoon (2005) menjelaskan bahawa istilah Patani merujuk kepada kawasan yang merangkumi kawasan penutur dialek tersebut, termasuk wilayah Pattani dan kawasan sekitarnya, iaitu wilayah Yala, Narathiwat, dan sebahagian wilayah Songkhla. Sebaliknya, istilah Pattani pula merujuk kepada kawasan yang populasinya hanya terdapat di wilayah Pattani sahaja.

Dialek Melayu Patani adalah dialek Melayu yang dituturkan di bahagian selatan Thailand. Penyebaran dialek ini meliputi wilayah Pattani, Yala, Narathiwat, serta sebahagian dari Songkhla, termasuk daerah Sebayoi, Thepa, Nathawi, dan Chana. Beberapa kajian mengenai dialek Melayu Patani telah dijalankan di selatan Thailand, antaranya kajian oleh (Abdonloh et al., 2022; Angsana & Ilangko, 2021; Ibrohim,

2016, 2023; Paitoon, 2005; Rahim et al., 2021; Ruslan, 2011; Sareeyah, 2016; Shahidi & Mumad, 2020; Suraiya, 2020; Zulkifley & Pareeda, 2015)

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa kajian rekonstruksi dialek Melayu Patani Narathiwat masih belum dijalankan oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya. Tetapi kajian fonologi, morfologi, dialektologi, pemetaan, akustik dan sosiolinguistik banyak terdapat dalam khazanah inventori dialek Melayu Patani.

Walau bagaimanapun, tidak dinafikan himpunan kajian lepas telah memberikan sumbangan besar serta turut memberikan gambaran awal kepada pengkaji untuk menghasilkan satu kajian baharu dan menghasilkan pendeskripsian yang lebih terperinci dan berpada. Sehubungan itu, kajian ini berusaha untuk merekonstruksi dialek Melayu Patani Narathiwat demi memperoleh bentuk dialek Melayu Patani Narathiwat Purba (DMPNP). Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti bentuk fonem purba dialek Melayu Patani Narathiwat (DMPN) dengan menggunakan kaedah teori rekonstruksi.

Signifikasi Kajian

Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam memahami proses perubahan bahasa Melayu Patani Narathiwat dari bentuk yang dikenali umum pada hari ini (baca: bentuk sinkronik) kepada bentuk proto melalui pendekatan linguistik bandingan dan sejarawi. Meskipun kajian fonologi terhadap dialek ini telah banyak dilakukan, analisis yang mengaitkan perubahan fonologi dengan ciri bahasa purba yang telah dibina semula masih kurang diterokai. Berdasarkan sorotan kajian lepas yang dijalankan, sehingga kini belum terdapat sebarang kajian yang secara khusus merekonstruksi bentuk purba Dialek Melayu Patani Narathiwat. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian pertama yang berusaha merekonstruksi bentuk purba dialek tersebut melalui pendekatan linguistik bandingan dan sejarawi. Justeru, kajian ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan membina semula fonem-fonem purba khususnya konsonan serta mengenal pasti inovasi dan retensi dalam dialek ini dengan ciri bahasa Malayik Purba (MP) yang telah dibina semula oleh Adelaar (1992).

Pendekatan linguistik bandingan membolehkan penyelidik menelusuri perubahan fonologi yang berlaku akibat interaksi bahasa dan budaya dalam sejarah masyarakat Patani. Dalam konteks ini, dasar kerajaan Thailand yang mewajibkan bahasa Thai dalam sistem pendidikan telah mempercepatkan proses asimilasi (Worawit, 1999), sekali gus memberi kesan kepada penggunaan dan kelangsungan dialek Melayu Patani. Oleh itu, kajian ini bukan sahaja membina semula ciri konsonan purba dialek ini, tetapi juga memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kesan sejarah dan politik terhadap perubahan bahasa.

Hasil kajian ini dijangka menyumbang kepada pemeliharaan ciri linguistik masyarakat Melayu Patani serta memperkayakan bidang linguistik sejarah dengan maklumat yang lebih sistematik

mengenai evolusi fonem konsonan. Dengan menerapkan teori rekonstruksi, kajian ini dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang dinamika fonologi dalam dialek Melayu Patani-Narathiwat, sekali gus menjadi rujukan penting dalam kajian bahasa serumpun.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan di selatan Thailand mengenai dialek Melayu Patani antaranya kajian Abdonloh et al., 2022; Angsana dan Ilangko, 2021; Ibrohim, 2016, 2023; Paitoon, 2005; Rahim et al., 2021; Ruslan, 2011; Sareeyah, 2016; Shahidi dan Mumad, 2020; Suraiya, 2020; Zulkifley dan Pareeda, 2015. Berdasarkan sorotan kajian lepas, kajian berkaitan dialek Melayu Patani dapat dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu kajian fonologi dan morfologi, kajian dialektologi serta kajian linguistik lain.

Kajian Fonologi dan Morfologi

Kajian Paitoon (2005) membincangkan pembentukan semula sistem morfofonologi dalam dialek Melayu Patani. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa unsur suprafiks kepanjangan konsonan dalam Dialek Melayu Patani mempunyai persamaan dengan fonem nada menurun tak datar dalam bahasa Thai. Persamaan tersebut menunjukkan bahawa fenomena ini boleh dianggap sebagai satu bentuk transmorfofonologisasi suprafiks. Hal ini kerana unsur kepanjangan konsonan dalam dialek Melayu Patani mempunyai ciri akustik yang serupa dengan fonem nada tersebut. Perubahan tatabahasa yang melibatkan suprafiks yang diambil alih oleh fonem nada ini tidak jauh berbeza dengan perubahan fonologi dalam bahasa lain. Kedua-dua perubahan tersebut mempunyai sifat yang serupa, iaitu bermula daripada bahasa yang mengalami kelemahan, seperti hilangnya keseimbangan, sehingga muncul bentuk variasi yang dipilih oleh penuturnya. Bentuk variasi yang sering digunakan, baik dari segi bunyi mahupun tatabahasa, akan tersebar secara perlahan-lahan antara kelompok penutur dan akhirnya berkembang pesat.

Zulkifley dan Pareeda (2015) meneliti fenomena penghilangan konsonan dalam gugusan nasal-obstruen homorganik dalam dialek Melayu Patani. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang berlandaskan Teori Fonologi Autosegmental Model KV. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penghilangan salah satu konsonan dalam gugusan nasal-obstruen homorganik berpunca daripada proses *delinking* yang berkait rapat dengan faktor penyuaraan pada obstruen tersebut. Analisis data memperlihatkan bahawa apabila obstruen dalam gugusan tersebut mempunyai fitur [+suara], obstruen akan dihilangkan, seperti yang dapat diperhatikan pada kata /ləmbu/ yang direalisasikan sebagai [ləmu] ‘lembu’. Sebaliknya, apabila obstruen yang hadir dalam gugusan tersebut mempunyai fitur [-suara], konsonan nasal yang akan dihilangkan, seperti yang ditunjukkan oleh kata /bantal/ yang direalisasikan sebagai [bata] ‘bantal’.

Sareeyah (2016) mengkaji bentuk fonologi dialek Melayu Patani dari segi

inventori fonem konsonan dan vokal, serta proses fonologi yang terdapat dalam subvarian Saga dan Tannyung. Kajian ini menggunakan pendekatan Fonologi Struktural untuk menentukan ciri segmental, iaitu mengenal pasti bunyi vokal, konsonan, dan diftong dalam kedua-dua subvarian tersebut. Pendekatan yang sama juga diterapkan untuk menganalisis proses fonologi yang berlaku dalam subvarian Saga dan Tannyung. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua subvarian, iaitu Saga dan Tannyung masing-masing mengandungi 21 fonem konsonan, lapan fonem vokal, dan satu bunyi diftong, iaitu diftong [au]. Terdapat juga pengaruh bahasa Thai, di mana bunyi [t] berubah menjadi [t^h] dalam subvarian ini. Selain itu, satu proses fonologi dikenal pasti, iaitu perubahan diftong menjadi monoftong, di mana diftong [ai] dan [au] yang berada di posisi akhir kata akan berubah menjadi vokal rendah [a] dan vokal separuh rendah [ɛ] dalam subvarian ini.

Suraiya (2020) telah melakukan kajian untuk menganalisis bentuk fonologi dialek Melayu Patani, merangkumi inventori fonem vokal, inventori fonem konsonan, serta proses-proses fonologi yang terdapat dalam dialek tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa dialek Melayu Patani mempunyai 12 fonem vokal yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu vokal oral, vokal terbitan, dan vokal nasal. Sementara itu, konsonan dalam dialek ini terdiri daripada 28 fonem, yang boleh dikelaskan kepada tiga jenis, iaitu konsonan asal, konsonan aspirasi, dan konsonan pinjaman. Struktur suku kata dalam dialek Melayu Patani pula dikategorikan sebagai pola suku kata jenis ketiga, iaitu pola KV(K). Akhir sekali, kajian ini juga mengenal pasti beberapa proses fonologi seperti pengguguran, asimilasi, glotalisasi, nasalisasi vokal, perubahan vokal dan monoftongisasi.

Kajian Dialektologi

Dialektologi merupakan satu bidang ilmu bahasa yang memerihalkan kepelbagaian varian sesuatu dialek (Chambers & Trudgill 1998). Pada dasarnya, dialektologi mempunyai beberapa subdisiplin lain dibawahnya mengikut kepada peredaran zaman dan mendasari cara pandangan pelopornya. Setiap disiplin itu pula kebiasaannya dipelopori oleh para sarjana terdahulu mengikut perkembangan dunia ilmu linguistik terutamanya dalam bidang dialektologi.

Kajian terawal yang membicarakan kepelbagaian varian dialek Melayu di semenanjung Malaysia terserlah menerusi sebuah penulisan berjudul The Endau and its Tributaries yang dihasilkan oleh Hervey D.F.A. pada tahun 1881. Penulisan ini menyerlahkan bentuk-bentuk pertuturan Sembrong yang dituturkan oleh masyarakat asli di pedalaman Pahang di samping turut turut membincangkan secara ringkas mengenai perbandingan bentuk pertuturan ‘speech’ sebagaimana yang dituturkan dari Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Penelitian dialek Melayu seterusnya diserlahkan oleh Sturrock A. J. pada tahun 1912. Penulisan beliau bertajuk Some notes on the Kelantan Dialect, and some

comparisons with the Dialects of Perak and Central Pahang merupakan cacatan beliau terhadap beberapa nota dialek Kelantan dan beberapa perbandingan dengan dialek Perak dan Pahang.

Selain variasi dialek Melayu, pengkaji eropah juga turut menyerlahkan minat terhadap variasi bahasa Orang Asli di Malaysia. Antara lainnya, kajian oleh Iskandar (1976) dan Benjamin Geoffrey (2012). Variasi bahasa Orang Asli di Malaysia dibukukan oleh Carey dengan tajuk Orang Asli. The Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia. Aspek variasi bahasa telah membantu beliau mendeskripsikan kewujudan pola sosial orang asli di Malaysia. Benjamin pula memerihalkan variasi bahasa Orang Asli di Malaysia menerusi makalah beliau yang bertajuk The Aslian Languages of Malaysia and Thailand: An assessment. Penulisan beliau telah dimanfaatkan oleh para pengkaji seterusnya untuk mengetahui tentang kewujudan atau taburan Orang Asli di Semenanjung Malaysia khususnya kumpulan-kumpulan Orang Asli yang wujud dan menghuni di pedalaman hulu negeri Terengganu.

Ismail Hussein adalah antara tokoh sarjana Melayu terawal membicarakan variasi dialek Melayu di Malaysia Penelitiannya dibukukan dalam tahun 1973 dengan tajuk Malay Dialect Peninsular. Beliau tekah membahagikan dialek-dialek Melayu yang terdapat di semenanjung Malaysia kepada 14 buah kelompok iaitu kelompok dialek jenis Kelantan, Pulai Chondong, Terengganu, Kedah, Sungai Perak, Pulau Sayong, Perak Tengah, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Lenga, Johor, Pahang, dan Patani. Malay Dialect Peninsular bukan hanya sekadar suatu usaha perbandingan antara dialek-dialek Melayu (merangkumi dialek Melayu Patani) malah penulisan ini merupakan cerminan bidang ilmu dialektologi yang terawal dalam membincangkan tentang pembahagian dan pengelompokan dialek-dialek Melayu di semenanjung Malaysia. Ruslan (2011) mengemukakan beberapa ciri khas dialek Melayu Patani, antaranya kata ekasuku, vokal sengau, konsonan hembusan, dan konsonan panjang. Ciri-ciri ini dianggap sebagai ciri istimewa dialek Melayu Patani. Isu utama yang diberi tumpuan dalam kajian ini adalah kewujudan dan penyebaran ciri khas tersebut dalam subdialek-subdialek Melayu Patani. Berdasarkan data yang diperoleh dari lokasi penyelidikan, dialek Melayu Patani boleh dibahagikan kepada sepuluh variasi. Setiap variasi memiliki ciri-ciri yang berbeza, terutamanya dalam aspek bunyi dan semantik. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa fonem konsonan dan diftong yang penyebarannya tidak menyeluruh di antara variasi, iaitu fonem konsonan /f/, fonem konsonan /x/, konsonan hembusan, konsonan panjang, serta fonem diftong, yang hanya terdapat dalam beberapa variasi tertentu.

Ibrohim (2016, 2023) membincangkan isu berkaitan dengan pemetaan dialek geografi. Kajian ini memperlihatkan kesejajaran dan penyebaran dialek berdasarkan aspek fonologi dan leksikal dalam dialek Melayu Patani varian Yaha, serta melihat persamaan dan perbezaan

antara varian yang dituturkan di kawasan Yaha. Pengkaji menggunakan kaedah pemetaan dialek geografi yang diterapkan dalam kajian dialektologi dengan menggunakan pendekatan dialektologi sinkronik secara deskriptif. Analisis yang dilakukan mendapati adanya kesejajaran dan penyebaran sistem fonologi vokal dan konsonan di beberapa kawasan kampung di Yaha. Data leksikal pula memperlihatkan adanya kelainan antara kawasan kampung di Yaha. Secara keseluruhannya, kajian ini merumuskan bahawa terdapat tiga kelompok utama di daerah Yaha, iaitu varian Yaha asli, varian pendatang, dan varian percampuran dialek.

Rahim et al. (2021) mengemukakan isu berkaitan dengan pemetaan dialek geografi. Kajian ini memperlihatkan kesejajaran dan penyebaran berdasarkan aspek fonologi dan leksikal yang terdapat di daerah Waeng, wilayah Narathiwat. Pengkaji menggunakan kaedah pemetaan dialek geografi yang dimanfaatkan dalam kajian dialektologi serta menggunakan pendekatan dialektologi sinkronik secara deskriptif. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesejajaran aspek fonologi dilihat lebih teratur dan sistematis berbanding dengan kesejajaran bentuk leksikal. Bentuk leksikal pula dilihat kebanyakan daftar kata yang disenaraikan dalam kajian ini memperlihat penyebaran yang bersimpang siur. Secara umumnya, kesejajaran dan penyebaran yang terdapat dalam variasi Waeng dapat dibahagikan kepada tiga variasi utama iaitu variasi Waeng asli, variasi luar atau variasi pendatang dan variasi percampuran dialek.

Kajian Linguistik Lain

Shahidi dan Mumad (2020) membincangkan isu yang berkaitan dengan fonetik akustik. Kajian ini memfokuskan kepada aspek penghasilan bunyi dan menjelaskan ciri-ciri realisasi fonetik dalam penghasilan ujaran konsonan panjang dalam dialek Melayu Patani. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan fonetik akustik. Ruang lingkup kajian ini meliputi bunyi letupan yang memanjangkan konsonan awal kata dalam dialek Melayu Patani serta pasangannya, iaitu bunyi konsonan biasa yang digunakan oleh penutur di masyarakat Patani. Analisis yang dilakukan menunjukkan bahawa pemanjangan konsonan wujud dalam dialek Melayu Patani, tetapi ia berlaku secara terhad, iaitu hanya pada bunyi-bunyi tertentu. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa hanya bunyi letupan bersuara yang bertepatan dengan konsep pemanjangan konsonan dalam dialek Melayu Patani.

Angsana dan Ilangko (2021) membincangkan perubahan konsonan dalam kata pinjaman dari bahasa Sanskrit dalam bahasa Thai dan dialek Melayu Patani. Kajian ini menggunakan 210 daftar kata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan konsonan dalam kedua-dua bahasa, iaitu bahasa Thai dan dialek Melayu Patani. Beberapa jenis perubahan konsonan yang dikenal pasti dalam kata pinjaman Sanskrit adalah pengguguran konsonan, penyisipan konsonan, penyahsuara, penyuaraan, dan penggantian konsonan. Secara keseluruhannya, semua proses yang dibincangkan ini telah mengalami asimilasi dalam pertuturan bahasa Thai dan

dialek Melayu Patani, dan masih digunakan sehingga kini.

Abdonloh et al. (2022) membincangkan semakan semula kata pinjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani dari segi perubahan makna dengan membandingkan makna kedua-dua kata tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa terdapat perkataan yang masih mengekalkan makna asal, manakala ada juga kata-kata yang telah berubah maknanya. Perkataan yang berubah makna telah mengalami asimilasi dalam bentuk perkataannya, sehingga ia sebati dengan sistem dialek Melayu Patani, dan penuturnya sendiri tidak sedar bahawa itu adalah kata pinjaman. Terdapat dua jenis peminjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani, iaitu peminjaman tanpa perubahan makna dan peminjaman yang berubah makna. Peminjaman yang berubah makna pula boleh dibahagikan kepada tiga jenis perubahan makna, iaitu peluasan makna, penyempitan makna, dan pertukaran makna. Secara keseluruhan, peminjaman kata ini bukan sahaja memenuhi keperluan penggunaan harian, tetapi juga memperkayakan korpus dan perbendaharaan kata dialek Melayu Patani.

Meskipun kajian-kajian terdahulu telah meneliti pelbagai aspek dialek Melayu Patani dari sudut fonologi, leksikal, dan pemetaan dialek, masih terdapat ruang untuk kajian menumpukan kepada rekonstruksi fonem konsonan proto dialek ini berdasarkan analisis perbandingan antara variasi dialek yang terdapat di wilayah Patani. Usaha rekonstruksi berkenaan membolehkan pengkaji mengenal pasti serta menapis elemen asing dalam sistem fonologi dialek Melayu Patani, khususnya ciri-ciri yang mungkin terhasil daripada pertembungan budaya dan bahasa hasil pengaruh fonologi keluarga bahasa Tai-Kadai. Dengan demikian, kajian ini berupaya merekonstruksi bentuk konsonan proto dialek Melayu Patani yang lebih autentik, sekali gus menilai hubungan antara inovasi dan retensi fonologi dialek ini dalam hubungannya dengan Malayik Purba (MP) seperti yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk merekonstruksi bentuk purba dialek Melayu Patani, khususnya di wilayah Narathiwat. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah metode kualitatif berdasarkan pendekatan linguistik sejarawi. Dua kajian utama diterapkan dalam penelitian ini untuk mendapatkan maklumat dan data linguistik, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan.

Kajian kepustakaan melibatkan pengumpulan data sekunder berkaitan dialek Melayu Patani daripada pelbagai sumber akademik seperti tesis, jurnal, kertas kerja, dan bahan ilmiah berkaitan. Kajian lapangan pula merupakan cara untuk memperoleh data segar mengenai sesuatu gejala dalam masyarakat (Asmah, 2015). Selain itu, kaedah lapangan juga melibatkan lokasi kajian, pemilihan informan, pengumpulan data, penganalisisan data serta pemaparan data.

Pemilihan Informan

Sarjana Barat mencadangkan bahawa informan lelaki lebih sesuai dalam penyelidikan linguistik lapangan (Chambers & Trudgill, 2004). Namun, dalam konteks Asia, informan wanita cenderung memiliki leksikon dialek ibunda yang lebih luas (Ayatrohaedi, 1979). Meskipun begitu, norma adat sering menjadikan lelaki sebagai pihak yang lebih berperanan dalam interaksi dengan penyelidik, sekali gus menyulitkan proses pengumpulan data. Oleh itu, kajian ini tidak mengehadkan pemilihan informan kepada mana-mana jantina namun masih perlu untuk menghormati norma dan pantang larang lokaliti yang disantuni (Asmah, 2015).

Kemudian, informan juga perlu terdiri daripada mereka yang berusia[1]. Faktor usia turut diambil kira, memandangkan warga emas dipercayai lebih kalis terhadap pengaruh urbanisasi dan penstandardan bahasa moden, menjadikan mereka mampu menjadi wakil masyarakat setempatnya (Allen, 1971). Dari segi lokaliti, kajian memberi tumpuan kepada penempatan asli masyarakat Melayu di Patani, kerana kawasan luar bandar lebih terpelihara daripada perubahan linguistik yang pesat (Chambers & Trudgill, 2004).

Akhir sekali, informan dipilih dalam kalangan individu yang mengamalkan gaya hidup sedentari[2], kerana keterbatasan interaksi dengan faktor luar membantu mereka mengekalkan dialek tradisional. Keadaan ini memudahkan penyelidik mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang bentuk linguistik asal sesuatu bahasa. Dalam kajian ini, seorang informan dipilih bagi mewakili setiap lokaliti kajian. Secara keseluruhannya, seramai enam orang informan (lingkungan umur antara 45-60 tahun) terlibat dalam kajian ini, yang terdiri daripada tiga orang informan lelaki dan tiga orang informan perempuan.

Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di wilayah Narathiwat. Dalam kajian ini hanya tiga buah daerah di wilayah Narathiwat yang dijadikan sebagai tempat atau kawasan pengkajian iaitu daerah Waeng, daerah Sungai Kolok dan daerah Sungai Padi. Kampung yang terlibat dalam kajian ini adalah sebanyak enam buah kampung iaitu Kresor (KRS), Buketa (BKT), Puyok (PYK), Munok (MNK), Benae Luwas (BNL) dan Aikubu (AKB). Ketiga-tiga daerah tersebut dipilih kerana masyarakat setempat masih mengekalkan ciri-ciri budaya Melayu dari aspek bahasa, gaya hidup dan amalan tradisi. Daripada 200 daftar kata yang digunakan dalam temu bual di lapangan, hanya sebahagian daripadanya

[1] Sebahagian sarjana seperti Chambers dan Trudgill (1998) memberikan julat umur untuk seseorang itu diambil sebagai informan. Mereka menyatakan umur 60 tahun ke atas merupakan calon yang sesuai sedangkan penyelidik yang lain mencadangkan julat umur yang lebih rendah untuk meninjau potensi perubahan bahasa (Linn 1983).

[2] Sedentari merujuk kepada individu yang tetap berada di penempatannya dan tidak berpindah atau sangat terbatas akan pergerakannya. Individu ini sering dijadikan perbandingan dengan mereka yang dianggap '*mobile'* yang sering keluar daripada kawasan penempatan sehingga kualiti atau dialek ibundanya kian bercampur baur dengan ciri fonologi bahasa asing.

dipilih untuk dianalisis sebagai data kajian. Daftar kata yang sama digunakan di keenam-enam lokasi kajian bagi memastikan data yang diperoleh dapat dibandingkan.

Teknik Pencuplikan Data

Terdapat dua jenis metode pengumpulan data, iaitu metode semak dan metode cakap (Mahsun, 2005). Teknik yang digunakan meliputi pencatatan, temu bual, perakaman, pengajuan gambar, dan senarai daftar kata. Senarai daftar kata yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 200 kosa kata yang merangkumi lapan bidang semantik iaitu alam persekitaran, warna, kata kerja, kata adjektif, alat kelengkapan rumah tangga, istilah kekerabatan, anggota tubuh manusia dan anggota tubuh haiwan.

Pada fasa awal, penyelidik mengumpulkan data demografi serta latar belakang informan, diikuti fasa pencuplikan yang menggunakan senarai kata daripada glos bahasa Melayu sebagai instrumen temu bual. Dalam temu bual, informan diminta menyebut bentuk setempat bagi glos yang diajukan, sama ada melalui soalan terbuka atau pembayang, seperti "Pakcik, kalau dalam sesebuah keluarga, mesti ada pasangan ibu dan ....". Teknik pengajuan gambar turut digunakan untuk merangsang respons informan.

Setelah data dikumpulkan, penyelidik mentransliterasikan unsur auditori ke dalam simbol International Phonetic Alphabet (IPA). Ketepatan simbol-simbol ini memastikan analisis fonetik dapat dilakukan secara sistematik dan objektif.

Kerangka Teoretikal

Linguistik sejarawi adalah salah satu cabang ilmu yang mengkaji bahasa secara diakronik, iaitu dengan membandingkan data bahasa tertentu untuk melihat perubahan dan perkembangan yang berlaku dalam tempoh masa tertentu. Cabang ilmu bahasa ini dikembangkan untuk memperoleh bentuk purba sesuatu bahasa yang tidak mempunyai naskhah bertulis. Sebelum membincangkan kaedah rekonstruksi bahasa atau dialek purba, terdapat lima istilah penting yang perlu difahami terlebih dahulu (Rahim, 2017):

1. **Bahasa Purba:** yakni bahasa hipotesis yang dianggap menurunkan beberapa bahasa yang nyata ataupun bahasa yang terhasil daripada proses rekonstruksi bahasa-bahasa turunan yang dibandingkan.
2. **Bahasa Kerabat:** bahasa yang berkait antara satu dengan lain dan moyang bahasa ini adalah bersumberkan bahasa purba yang sama.
3. **Kata Kognat:** kata yang memiliki kesamaan bentuk dan makna dengan kata lain dalam bahasa yang berbeza, tetapi bahasa-bahasa yang berbeza itu diturunkan daripada sumber bahasa purba yang sama.
4. **Korespondensi Bunyi:** seperangkat set bunyi kata-kata kognat yang telah dikumpulkan daripada beberapa bahasa turunan.
5. **Refleks:** bentuk kata atau unsur purba yang wujud daripada beberapa bahasa turunan.

Seterusnya, kaedah merekonstruksi sesuatu bahasa purba memiliki kriteria seperti berikut (Crowley & Bowern, 2010; Rahim, 2017):

1. Menentukan kata kognat bahasa yang ingin dibandingkan. Dengan kata lain, kata yang memperlihatkan persamaan bentuk dan makna perlu ditentukan terlebih dahulu. Namun, penentuan ini tidaklah boleh dilakukan selagi kata yang berunsurkan peminjaman, ikonik dan kebetulan tidak diasingkan terlebih dahulu. Setelah kata bukan kognat diasingkan, maka yang tinggal adalah kata yang berkognat seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1.

2. Menyusun set korespondensi atau perangkat kesepadanan bunyi bahasa yang dibandingkan. Berasaskan data dalam Jadual 1, set korespondensi bunyi telah menyusun glos 'elak' dalam perangkat kesepadanan bunyi yang boleh dirujuk dalam Jadual 2.

3. Terdapat empat perangkat korespondensi seperti yang dilampirkan dalam Jadual 2, iaitu korespondensi pertama; Tonga /k/, Samoa /ʔ/, Rarotonga /k/ dan Hawaii /ʔ/. Korespondensi kedua dan keempat semua bahasa menunjukkan /a/ dan /o/. Korespondensi ketiga pula; Tonga /l/, Samoa /l/, Rarotonga /r/ dan Hawaii /l/. Keempat-empat perangkat korespondensi tersebut dapat dituliskan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 1
Senarai kata yang telah melalui proses penapisan kognat

Makna	Tonga	Samoa	Rarotonga	Hawaii
pusat	pito	pute	pito	piko
larangan	tapu	tapu	tapu	kapu
akar	aka	aʔa	aka	aʔa
mulut	ŋutu	ŋutu	ŋutu	nuku
elak	kalo	ʔalo	karo	ʔalo

Sumber: Diperoleh dan diubah suai daripada Crowley dan Bowern (2010*)*

Jadual 2
Set korespondensi bunyi bahasa

Varian	Distribusi Perangkat Kesepadanan			
Tonga	k	a	l	o
Samoa	ʔ	a	l	o
Rarotonga	k	a	r	o
Hawaii	ʔ	a	l	o

Sumber: Diperoleh dan diubah suai daripada Crowley dan Bowern (2010)

Jadual 3
Pemaparan set korespondensi bunyi bahasa

Tonga	Samoa	Rarotonga	Hawaii
k:	ʔ:	k:	ʔ
a:	a:	a:	a
l:	l:	r:	l
o:	o:	o:	o

Sumber: Diperoleh dan diubah suai daripada Crowley dan Bowern (2010)

4. Penentuan fonem purba bergantung kepada kekerapan kehadirannya dalam pelbagai posisi kata dan variasi bentuk. Sebagai contoh, baris korespondensi ketiga dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa /l/ lebih dominan berbanding /r/ dalam glos 'elak'. Oleh itu, secara hipotesis, /l/ berkemungkinan merupakan fonem purba. Namun, kepastian ini memerlukan pengujian lanjut melalui data tambahan untuk membuktikan bahawa (1) /l/ berfungsi sebagai fonem utama, manakala /r/ sebagai alternasi, dan (2) /l/ ialah fonem konsonan purba.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil fonem konsonan dialek Melayu Patani Narathiwat purba (DMPNP) berdasarkan rekonstruksi fonem yang dilakukan ke atas data dari enam buah kampung, iaitu Kampung Kresor (KRS), Kampung Buketa (BKT), Kampung Puyok (PYK), Kampung Munok (MNK), Kampung Benae Luwas (BNL), dan Kampung Aikubu (AKB). Aspek yang akan dihuraikan meliputi jumlah inventori dan distribusi fonem DMPNP. Penyebaran fonem DMPNP ini juga akan menunjukkan keberadaan fonem dan bunyi fonem tersebut berdasarkan posisinya, iaitu posisi awal kata, tengah kata, dan akhir kata. Fonem purba akan ditandai dengan simbol (*).

Berdasarkan perangkat kesepadanan kosa kata yang telah direkonstruksikan, didapati bahawa DMPNP memiliki lapan belas fonem konsonan, yang terdiri daripada enam bunyi konsonan letupan iaitu *p, *t, *k, *b, *d, dan *g; empat bunyi konsonan sengauan iaitu *m, *n, *ɲ, dan *ŋ; tiga bunyi konsonan geseran iaitu *s, *h, dan *ɣ; dua bunyi konsonan letusan iaitu *ʧ dan *ʤ; satu bunyi konsonan sisian iaitu *l dan dua bunyi konsonan separuh vokal iaitu *w dan *j. Rujuk inventori konsonan DMPNP ini dalam Jadual 4.

Rekonstruksi Konsonan Letupan DMPNP

DMPNP memiliki enam fonem konsonan letupan, iaitu *p, *b, *t, *d, *k, dan *g. Konsonan letupan dua bibir tidak bersuara *p wujud pada posisi awal kata, tengah kata dan akhir kata. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten.

Jadual 4
Inventori fonem konsonan purba dialek melayu patani narathiwat

		Dua-Bibir	Gigi-Gusi	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Glotis
Letupan	Tbs	*p	*t		*k	
	Bs	*b	*d		*ɡ	
Sengauan	Bs	*m	*n	*ɲ	*ŋ	
Geseran	Tbs		*s			*h
	Bs				*ɣ	
Letusan	Tbs			*ʧ		
	Bs			*ʤ		
Sisian	Bs		*l			
Separuh Vokal	Bs	*w		*j		

Konsonan DMPNP *p di awal dan tengah kata didapati hadir sebagai letupan dua bibir [p], manakala di akhir kata DMPNP *p hadir sebagai hentian glotal [ʔ] yang hanya berstatus alofon dalam DMPNP. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *p adalah warisan langsung daripada MP *p dan refleks DMPNP *p adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

Konsonan letupan dua bibir bersuara *b wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *b direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *b adalah warisan langsung daripada MP *b dan refleks DMPNP *b adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.

Konsonan letupan gigi-gusi tidak bersuara *t hadir dalam lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Konsonan DMPNP *t di awal dan tengah kata didapati hadir sebagai letupan gigi-gusi [t], manakala di akhir kata DMPNP *t hadir sebagai hentian glotal [ʔ] yang hanya berstatus alofon dalam DMPNP. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *t adalah warisan langsung daripada MP *t dan refleks DMPNP *t adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 7.

Konsonan letupan gigi-gusi bersuara *d wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *d direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *d adalah warisan langsung daripada MP *d dan refleks DMPNP *d seperti yang dipaparkan dalam Jadual 8.

Jadual 5
*Taburan konsonan purba MP *p dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *pərut ‘perut’ > DMPNP *pəɣot; KRS, BKT, PYK dan MNK pəɣoʔ; BNL dan AKB pʰəɣoʔ
2	MP *pipi(ʔ) ‘pipi’ > DMPNP *pipi; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB pipiʲ
3	MP *rumput ‘rumput’ > DMPNP *ɣuput; KRS dan BNL upuʔ; BKT, PYK dan MNK ɣupuʔ; AKB ɣəpuʔ
4	MP *ipar ‘ipar’ > DMPNP *ipa; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ipa
5	MP *hidup ‘hidup’ > DMPNP *hidop; KRS, BKT, PYK dan MNK hidoʔ; BNL dan AKB idoʔ
6	MP *sədəp ‘sedap’ > DMPNP *sədap; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB sədaʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 6
*Taburan konsonan purba MP *b dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *bən̆ciʔ ‘benci’ > DMPNP *bəʧi; KRS, PYK, BNL dan AKB bəʧʰiʲ; BKT dan MNK bəʧiʲ
2	MP *buruŋ ‘burung’ > DMPNP *buɣoŋ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB buɣoŋ
3	MP *buhaya ‘buaya’ > DMPNP *bəjɔ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB bəjɔ
4	MP *ubat ‘ubat’ > DMPNP *hubat; KRS dan PYK hubaʔ; BKT dan MNK ubaʔ; BNL ɔbaʔ; AKB obaʔ
5	MP *ʧabut ‘cabut’ > DMPNP *ʧabut; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ʧabuʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 7
*Taburan konsonan purba MP *t dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *tali ‘tali’ > DMPNP *tali; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB taliʲ
2	MP * tidur ‘tidur’ > DMPNP *tido; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB tido
3	MP *pintaʔ/pintak ‘minta’ > DMPNP *mitɔk; KRS dan AKB mɛtɔʔ; BKT, PYK, MNK dan BNL mitɔʔ
4	MP *m/u(n)tah ‘muntah’ > DMPNP *mutɔh; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB mutɔh
5	MP *ubat ‘ubat’ > DMPNP *hubat; KRS dan PYK hubaʔ; BKT dan MNK ubaʔ; BNL ɔbaʔ; AKB obaʔ
6	MP *ʧabut ‘cabut’ > DMPNP *ʧabut; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ʧabuʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 8
*Taburan konsonan purba MP *d dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *dahan ‘dahan’ > DMPNP *dɛhɛ; KRS, BKT, PYK dan MNK dɛhɛ; BNL dan AKB dahɛ
2	MP *dagu ‘dagu’ > DMPNP *dagu; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB daguʷ
3	MP *darah ‘darah’ > DMPNP *daɣɔh; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB daɣɔh
4	MP *hiduŋ ‘hidung’ > DMPNP *hidoŋ; KRS, BKT, PYK dan MNK hidoŋ; BNL dan AKB idoŋ
5	MP *adiʔ ‘adik’ > DMPNP *adek; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB adeʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Konsonan letupan lelangit lembut tidak bersuara *k wujud dalam lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Konsonan DMPNP *k di awal dan tengah kata didapati hadir sebagai letupan lelangit lembut [k], manakala di akhir kata DMPNP *k hadir sebagai hentian glotal [ʔ] yang hanya berstatus alofon dalam DMPNP. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *k adalah warisan langsung daripada MP *k dan refleks DMPNP *k. Rujukan ini dapat diperhatikan dengan lebih teliti dalam Jadual 9.

Konsonan letupan lelangit lembut bersuara *g wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *g direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *g adalah warisan langsung daripada MP *g dan refleks DMPNP *g adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 10.

Jadual 9
*Taburan konsonan purba MP *k dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *kəriŋ ‘kering’ > DMPNP *kəɣiŋ; KRS, PYK, BNL dan AKB kʰəɣiŋ; BKT dan MNK kəɣiŋ
2	MP *kunit ‘kuning’ > DMPNP *kuniŋ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB kuniŋ
3	MP *aŋkat ‘angkat’ > DMPNP *akat; KRS, BNL dan AKB akɛʔ; BKT, PYK dan MNK akaʔ
4	MP *ikan ‘ikan’ > DMPNP *ikɛ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ikɛ
5	MP *gəmuk ‘gemuk’ > DMPNP *gəmuk; KRS, BKT, PYK dan MNK gəmuʔ; BNL dan AKB gəməʔ
6	MP *adiʔ ‘adik’ > DMPNP *adek; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB adeʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 10
*Taburan konsonan purba MP *g dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *gəmuk ‘gemuk’ > DMPNP *gəmuk; KRS, BKT, PYK dan MNK gəmuʔ; BNL dan AKB gəməʔ
2	MP *guruh ‘guruh’ > DMPNP *guɣoh; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB guɣoh
3	MP *gigi ‘gigi’ > DMPNP *gigi; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB gigiʲ
4	MP *dagu ‘dagu’ > DMPNP *dagu; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB daguʷ
5	MP *saguʔ ‘sagu’ > DMPNP *sagu; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB saguʷ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Rekonstruksi Konsonan Sengauan DMPNP

DMPNP memiliki empat fonem konsonan sengauan, iaitu *m, *n, *ɲ dan *ŋ. Konsonan sengauan dua bibir bersuara *m wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *m direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *m adalah warisan langsung daripada MP *m dan refleks DMPNP *m adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 11.

Konsonan sengauan gigi-gusi bersuara *n wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *n direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *n adalah warisan langsung daripada MP *n dan refleks DMPNP *n adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 12.

Konsonan sengauan lelangit keras bersuara *ɲ wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya

Jadual 11
*Taburan konsonan purba MP *m dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *muka ‘muka’ > DMPNP *mukɔ; KRS, BKT, PYK dan MNK mukɔ; BNL dan AKB mukʰɔ
2	MP *miñak ‘minyak’ > DMPNP *miɲɔk; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB miɲɔʔ
3	MP *mata ‘mata’ > DMPNP *matɔ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB matɔ
4	MP *gəmuk ‘gemuk’ > DMPNP *gəmuk; KRS, BKT, PYK dan MNK gəmuʔ; BNL dan AKB gəmɔʔ
5	MP *ləmək ‘lemak’ > DMPNP *ləmɔk; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ləmɔʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 12
*Taburan konsonan purba MP *n dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *nasiʔ ‘nasi’ > DMPNP *nasik; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB nasiʔ
2	MP *nipis ‘nipis’ > DMPNP *nipih; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB nipih
3	MP *k/anan ‘kanan’ > DMPNP *kanɛ; KRS, BKT, PYK dan MNK kanɛ; BNL dan AKB kʰanɛ
4	MP *kunit ‘kuning’ > DMPNP *kuniŋ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB kuniŋ
5	MP *anak ‘anak’ > DMPNP *anɔk; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB anɔʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 13
*Taburan konsonan purba MP *ɲ dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *ñamuk ‘nyamuk’ > DMPNP *ɲamɔk; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ɲamɔʔ
2	MP *ñawa ‘nyawa’ > DMPNP *ɲawɔ̃; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ɲawɔ̃
3	MP *miñak ‘minyak’ > DMPNP *miɲɔk; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB miɲɔʔ
4	MP *tañaʔ ‘tanya’ > DMPNP *taɲɔ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB taɲɔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 14
*Taburan konsonan purba MP *ŋ dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *ŋaŋa(ʔ) ‘nganga’ > DMPNP *ŋaŋɔ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ŋaŋɔ
2	MP *aŋin ‘angin’ > DMPNP *aŋiŋ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB aŋiŋ
3	MP *laŋit ‘langit’ > DMPNP *laŋit; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB laŋiʔ
4	MP *hiduŋ ‘hidung’ > DMPNP *hidoŋ; KRS, BKT, PYK dan MNK hidoŋ; BNL dan AKB idoŋ
5	MP *buruŋ ‘burung’ > DMPNP *buɣoŋ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB buɣoŋ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *ɲ direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *ɲ adalah warisan langsung daripada MP *ɲ dan refleks DMPNP *ɲ. Dapatan ini dapat diperhalusi dalam Jadual 13.

Konsonan sengauan lelangit lembut bersuara *ŋ wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *ŋ direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *ŋ adalah warisan langsung daripada MP *ŋ dan refleks DMPNP *ŋ adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 14.

Rekonstruksi Konsonan Geseran DMPNP

DMPNP memiliki tiga fonem konsonan geseran, iaitu *s, *ɣ, dan *h. Konsonan geseran gigi-gusi tidak bersuara *s wujud dalam lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Konsonan DMPNP *s di awal dan tengah kata didapati hadir sebagai geseran gigi-gusi [s], manakala di akhir kata DMPNP *s hadir sebagai geseran glotal [h]. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa

DMPNP *s adalah warisan langsung daripada MP *s dan refleks DMPNP *s. Perkara ini dapat diperhatikan dengan lebih jelas dalam Jadual 15.

Konsonan geseran lelangit lembut bersuara *ɣ wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *ɣ direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *ɣ adalah warisan langsung daripada MP *ɣ dan refleks DMPNP *ɣ adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 16.

Konsonan geseran glotis tidak bersuara *h wujud dalam lingkungan awal kata, tengah kata dan akhir kata. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *h direkonstruksikan pada ketiga-tiga lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *h adalah warisan langsung daripada MP *h dan refleks DMPNP *h adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 17.

Jadual 15
*Taburan konsonan purba MP *s dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *səmpit ‘sempit’ > DMPNP *səpet; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB səpeʔ
2	MP *sakit ‘sakit’ > DMPNP *saket; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB sakeʔ
3	MP *hi(ŋ)sep ‘hisap’ > DMPNP *hisap; KRS, BKT, PYK dan MNK hisaʔ; BNL dan AKB isaʔ
4	MP *pasir ‘pasir’ > DMPNP *pase; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB pase
5	MP *panas ‘panas’ > DMPNP *panah; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB panah
6	MP *bəras ‘beras’ > DMPNP *bəɣah; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB bəɣah

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 16
*Taburan konsonan purba MP *r dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *rumput ‘rumput’ > DMPNP *ɣuput; BKT, PYK dan MNK ɣupuʔ; BNL dan KRS upuʔ; AKB ɣəpuʔ
2	MP *rusuk ‘rusuk’ > DMPNP *ɣusok; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ɣusoʔ
3	MP *urat ‘urat’ > DMPNP *ɔɣat; KRS, BKT, PYK dan MNK ɔɣaʔ; BNL dan AKB uɣaʔ
4	MP *bəras ‘beras’ > DMPNP *bəɣah; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB bəɣah
5	MP *duriʔ ‘duri’ > DMPNP *duɣi; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB duɣiʲ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 17
*Taburan konsonan purba MP *h dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *hi(ŋ)sep ‘hisap’ > DMPNP *hisap; KRS, BKT, PYK dan MNK hisaʔ; BNL dan AKB isaʔ
2	MP *hijaw ‘hijau’ > DMPNP *hiʤa; KRS, BKT, PYK dan MNK hiʤa; BNL dan AKB iʤa
3	MP *puhun ‘pokok’ > DMPNP *pɔhoŋ; KRS, BKT, PYK dan MNK pɔhoŋ; BNL pahoŋ; AKB pahaᵘŋ
4	MP *dahan ‘dahan’ > DMPNP *dɛhɛ; KRS, BKT, PYK dan MNK dɛhɛ; BNL dan AKB dahɛ
5	MP *rumah ‘rumah’ > DMPNP *ɣumɔh; BKT, PYK dan MNK ɣumɔh; BNL dan KRS umɔh; AKB ɣɔmɔh
6	MP *m/u(n)tah ‘muntah’ > DMPNP *mutɔh; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB mutɔh

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Rekonstruksi Konsonan Letusan DMPNP

DMPNP memiliki dua fonem konsonan letusan, iaitu *ʧ dan *ʤ. Konsonan letusan lelangit keras tidak bersuara *ʧ wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *ʧ direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *ʧ adalah warisan langsung daripada MP *ʧ dan refleks DMPNP *ʧ. Perkara ini dapat diperhatikan dengan lebih dekat dalam Jadual 18.

Konsonan letusan lelangit keras bersuara *ʤ wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *ʤ direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *ʤ adalah warisan langsung daripada MP *ʤ dan refleks DMPNP *ʤ adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 19.

Jadual 18
*Taburan konsonan purba MP *c dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *cabut ‘cabut’ > DMPNP *ʧabut; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ʧabuʔ
2	MP *cucuʔ ‘cucu’ > DMPNP *ʧuʧu; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ʧuʧuʷ
3	MP *bənc̃iʔ ‘benci’ > DMPNP *bəʧĩ; KRS, PYK, BNL dan AKB bəʧʰiʲ; BKT dan MNK bəʧĩʲ
4	MP *caciŋ ‘cacing’ > DMPNP *ʧaʧiŋ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ʧaʧiŋ
5	MP *cacat ‘cacat’ > DMPNP *ʧaʧat; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ʧaʧaʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 19
*Taburan konsonan purba MP *j dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *jarum 'jarum' > DMPNP *ʤaɣoŋ; KRS, BKT, PYK dan MNK ʤaɣoŋ; BNL dan AKB jaɣoŋ
2	MP *jari 'jari' > DMPNP *ʤaɣi; KRS, BKT, PYK dan MNK ʤaɣiʲ; BNL dan AKB jaɣiʲ
3	MP *hujan 'hujan' > DMPNP *huʤɛ; KRS, BKT, PYK dan MNK huʤɛ; BNL dan AKB uʤɛ
4	MP *hijaw 'hijau' > DMPNP *hiʤa; KRS, BKT, PYK dan MNK hiʤa; BNL dan AKB iʤa
5	MP *tajəm 'tajam' > DMPNP *taʤɛ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB taʤɛ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 20
*Taburan konsonan purba MP *l dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *ləmək 'lemak' > DMPNP *ləmək; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ləməʔ
2	MP *ludah 'ludah' > DMPNP *ludəh; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ludəh
3	MP *libar 'lebar' > DMPNP *lɛba; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB lɛba
4	MP *kulit 'kulit' > DMPNP *kulet; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB kuleʔ
5	MP *mulut 'mulut' > DMPNP *mulot; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB muloʔ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Rekonstruksi Konsonan Sisian DMPNP

Konsonan sisian gigi-gusi bersuara *l wujud dalam lingkungan awal kata dan tengah kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *l direkonstruksikan pada kedua-dua lingkungan kata tersebut. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *l adalah warisan langsung daripada MP *l dan refleks DMPNP *l adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 20.

Rekonstruksi Konsonan Separuh Vokal DMPNP

DMPNP memiliki dua buah fonem konsonan separuh vokal yang terdiri daripada konsonan separuh vokal *w dan *j. Konsonan separuh vokal dua-bibir bersuara *w wujud dalam lingkungan tengah kata dan akhir kata sahaja. Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Konsonan DMPNP *w di akhir kata didapati wujud dalam bentuk geluncuran yang dilemahkan iaitu [-ʷ]. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *w direkonstruksikan dalam varian DMPN. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *w adalah warisan langsung daripada MP *w dan refleks DMPNP *w adalah seperti yang dilampirkan dalam Jadual 21.

Konsonan separuh vokal lelangit keras bersuara *j wujud dalam lingkungan tengah kata dan akhir kata sahaja.

Jadual 21
*Taburan konsonan purba MP *w dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *bawaŋ ‘bawang’ > DMPNP *bawɛ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB bawɛ
2	MP *a(bw)an ‘awan’ > DMPNP *awɛ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB awɛ
3	MP *ñawa ‘nyawa’ > DMPNP *ɲawɔ̃; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ɲawɔ̃
4	MP *batu ‘batu’ > DMPNP *batu; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB batuʷ
5	MP *cucuʔ ‘cucu’ > DMPNP *ʧuʧu; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB ʧuʧuʷ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Jadual 22
*Taburan konsonan purba MP *y dalam DMPNP*

Bil.	Deskripsi Taburan
1	MP *hayam ‘ayam’ > DMPNP *hajɛ; KRS, PYK, BNL dan AKB hajɛ; BKT dan MNK ajɛ
2	MP *kayuʔ ‘kayu’ > DMPNP *kaju; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB kajuʷ
3	MP *buhaya ‘buaya’ > DMPNP *bɔjɔ; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB bɔjɔ
4	MP *jari ‘jari’ > DMPNP *ʤaɣi; KRS, BKT, PYK dan MNK ʤaɣiʲ; BNL dan AKB jaɣiʲ
5	MP *gigi ‘gigi’ > DMPNP *gigi; KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB gigiʲ

Sumber: Data diperoleh melalui kajian lapangan

Kehadirannya dalam varian DMPN yang dibandingkan menunjukkan kesepadanan yang sangat konsisten. Konsonan DMPNP *j di akhir kata didapati wujud dalam bentuk geluncuran yang dilemahkan iaitu [ʲ]. Keteraturan ini membolehkan konsonan DMPNP *j direkonstruksikan dalam varian DMPN. Hasil rekonstruksi ini menunjukkan bahawa DMPNP *j adalah warisan langsung daripada MP *j dan refleks DMPNP *j adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 22.

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan hasil analisis rekonstruksi dialek Melayu Pattani-Narathiwat Purba (DMPNP) dengan menilai aspek inovasi dan retensi dalam perbandingan dengan Malayik Purba (MP). Perbandingan ini bertujuan untuk menentukan sejauh mana DMPNP mengekalkan ciri fonologi MP atau mengalami inovasi.

Selain itu, bahagian ini turut meneliti unsur fonologi asing yang diserap dalam DMPNP, sekali gus memperlihatkan bagaimana varian DMPNP menyesuaikan diri dalam masyarakat yang mengutamakan penggunaan bahasa bukan ibunda. Akhirnya, perbincangan ini diakhiri dengan cadangan kajian lanjutan bagi memperluaskan skop penyelidikan serta meneroka dimensi baharu dalam rekonstruksi fonologi DMPNP.

Inovasi dan Retensi antara Malayik Purba (MP) dan Dialek Melayu Pattani Narathiwat Purba (DMPNP)

Dapatan rekonstruksi konsonan letupan dalam dialek Melayu Proto-Negeri Pahang (DMPNP) memaparkan bahawa sistem fonologinya masih mengekalkan enam konsonan letupan utama, iaitu *p, *b, *t, *d, *k, dan *g. Hasil analisis perbandingan antara varian dialek dalam DMPN membuktikan bahawa konsonan letupan ini mempunyai kesepadanan fonologi yang tinggi dengan Malayik Proto (MP), sekali gus memperkukuhkan kekerabatan antara DMPNP dengan MP.

Konsonan *p dalam DMPNP wujud dalam ketiga-tiga posisi (awal, tengah, dan akhir kata). Keadaan ini menunjukkan bahawa MP *p diwarisi secara langsung. Namun, variasi dalam posisi akhir kata menunjukkan bahawa *p mengalami perubahan kepada hentian glotis [ʔ], yang hanya berfungsi sebagai alternasi kepada MP *p (baca: alofon). Fenomena ini sejajar dengan perubahan fonologi dalam beberapa dialek Melayu lain, seperti dialek Kedah dan Pahang, yang turut mengalami realisasi letupan di posisi akhir kata sebagai hentian glotis (Asmah, 2015; Muhammad Norsyafiq et al., 2023). Perubahan serupa juga berlaku pada DMPNP *-t dan *-k.

Konsonan *k dalam DMPNP mengalami pola perubahan yang serupa dengan *p dan *t, di mana ia kekal dalam posisi awal dan tengah kata tetapi direalisasikan sebagai hentian glotis [ʔ] dalam posisi akhir kata. Contoh perubahan seperti MP *gəmuk > [gəmuʔ; gəmɔʔ] dan MP menunjukkan bahawa proses pengguguran letupan ini berlaku secara sistematik dalam DMPNP yang menyerupai dengan koresponden MP seperi Serawai dan Iban (Adelaar, 1992, hal. 62)[3]. Untuk menyatakan bahawa DMPNP memiliki keterkaitan dengan Serawai dan Iban, perbahasan lanjutan perlu dilaksanakan bagi membuktikan hujah berkenaan.[4]

Perubahan fonologi yang melibatkan konsonan *p, *t dan *k kepada hentian glotis [ʔ] dapat dijelaskan melalui proses debukalisasi. Dalam proses ini, kaedah artikulasi segmen asal dikekalkan, manakala daerah artikulasinya dihilangkan dan digantikan dengan hentian glotis. Oleh sebab hentian glotis [ʔ] juga merupakan bunyi letupan, perubahan *p, *t dan *k kepada [ʔ] hanya melibatkan perubahan pada daerah artikulasi, manakala kaedah artikulasi letupan dikekalkan.

[3] Serawai dan Iban merupakan koresponden Malayik Purba yang merealisasikan hentian glotis [ʔ] pada posisi akhir kata manakala koresponden lain seperti Melayu, Jakarta, Minangkabau, Bengkahulu dan sebagainya merealisasikan Serawai & Iban [-ʔ] sebagai [-k].

[4] Adelaar (1992) menggunakan data-data daripada kamus yang telah dirumikan sebagai bahan rujukannya untuk membuktikan kewujudan konsonan-konsonan ini dalam bahasa-bahasa koresponden. Antara rujukan beliau adalah daripada kamus Wilkinson (1932). Rujukan bertulis ini telah disusun dengan penyesuaian Jawi kepada tulisan Rumi dan ketepatan transliterasi ini membuka ruang kepada perbahasan lanjut. Realisasi [k] dalam bentuk yang tidak dilepaskan (*unrelease*) menyebabkan ia disalah erti sebagai bentuk [k] sedangkan ia wujud dalam bentuk [ʔ] (Deterding et al., 2022, hal. 30). Disebabkan itu, Bahasa Melayu dan juga turunannya telah diklasifikasikan oleh Adelaar (1992) sebagai Bahasa yang merealisasikan [-ʔ] sebagai [-k].

Sebaliknya, konsonan sengauan bukan sasaran langsung proses ini kerana tergolong dalam kelas sonoran dan mempunyai ciri [+sonoran], berbeza daripada konsonan obstruen. Oleh itu, ketiadaan perubahan konsonan sengauan kepada [ʔ] dalam DMPNP berkaitan dengan perbezaan kelas fonologi antara obstruen dan sengauan. Data daripada beberapa dialek Melayu di Pantai Timur turut menyokong generalisasi ini kerana tiada perubahan konsonan sengauan kepada [ʔ] dilaporkan (Zaidi et al., 2021; Hasrah et al., 2014). Walau bagaimanapun, konsonan sengauan tetap mengalami perubahan fonologi, tetapi kesannya diserap oleh vokal yang mendahuluinya. Sebagai contoh, dalam rangkap /a + nasal#/, perubahan tersebut menghasilkan vokal [ɛ].

Bagi konsonan letupan bersuara *b, *d, dan *g, kehadiran fonem-fonem ini hanya dalam posisi awal dan tengah kata membuktikan kestabilannya dalam sistem fonologi DMPNP. Fenomena ini menunjukkan bahawa inovasi fonologi tidak berlaku secara ketara terhadap fonem ini. Oleh kerana bahasa Melayu, sebagai induk kepada dialek ini, memiliki ciri [+bersuara, +letupan, dua bibir/gigi-gusi/lelangit lembut, -posisi akhir] (Deterding et al., 2022), ciri ini turut diserap dalam sistem fonologi DMPNP. Oleh itu, MP *b diwarisi dalam dua posisi sebagaimana yang direkonstruksi oleh Adelaar (1992).

Selain itu, konsonan nasal MP *m dan *n mengalami inovasi yang ketara dalam DMPNP. Ketidakhadiran kedua-dua fonem ini dalam posisi koda menunjukkan inovasi yang mirip dengan bentuk dialek Melayu Pahang purba (Mohd Tarmizi et al., 2014; Muhammad Norsyafiq et al., 2021, 2023). Namun, perbezaan utama antara DMPNP dan dialek Melayu Pahang purba terletak pada MP *ŋ. Dalam DMPNP, MP *ŋ hadir dalam semua posisi kata, manakala dalam dialek Pahang purba, fonem ini tidak wujud.[5]

Konsonan geseran dalam DMPNP terdiri daripada *s, *ɣ, dan *h, masing-masing memiliki keterbatasan penyebaran dalam kata. Sebagai contoh, *s stabil dalam posisi awal dan tengah kata, tetapi /h/ muncul sebagai alofon. Fenomena perubahan MP *r > DMPNP *ɣ pula menunjukkan inovasi ketara yang melibatkan semua posisi dalam kata. Walaupun MP *r tersebar dalam semua posisi kata, dalam DMPNP, *ɣ hanya hadir dalam posisi awal dan tengah kata.

Ciri penyebaran DMPNP *h pula menyerupai penyebaran dialek Melayu Sungai Pahang, di mana ia hanya muncul dalam posisi tengah dan akhir kata (Mohd Tarmizi et al., 2014; Muhammad Norsyafiq et al., 2021, 2023). Ketiadaan MP *h dalam posisi awal kata mungkin menjadi petunjuk bahawa DMPNP tidak menyerap ciri konsonan beraspirasi yang dibawa oleh keluarga bahasa Tai-Kadai. Namun, penyelidikan lanjut diperlukan untuk mengesahkan hipotesis MP *h- > DMPNP ø, memandangkan variasi rangkap vokal yang wujud dalam data.

[5] Ketiadaan unsur nasal pada posisi akhir kata dalam varian di sepanjang Sungai Pahang merupakan ciri yang paling menyerlah dalam dialek purba ini. Inovasi yang ditemui ini merupakan inovasi Bersama yakni majoriti varian yang diuji memiliki ciri kebersamaan.

Seterusnya, DMPNP memiliki dua fonem letusan, iaitu *ʧ dan*ʤ, yang diwarisi secara langsung daripada MP. Kedua-dua fonem ini berkongsi ciri penyebaran yang serupa, iaitu hanya hadir pada posisi awal dan tengah kata. Keadaan yang sama turut berlaku pada fonem sisian *l yang diturunkan secara teratur daripada MP dalam posisi awal dan tengah kata.

Akhir sekali, DMPNP memiliki dua fonem separuh vokal, iaitu *w dan *j, yang diwarisi secara langsung daripada MP. Kedua-dua fonem ini berkongsi ciri penyebaran yang serupa, iaitu hanya hadir dalam posisi tengah kata. Secara ringkas, DMPNP memperlihatkan inovasi fonologi yang ketara berbanding MP, terutamanya dalam aspek perubahan konsonan pada posisi akhir kata. Walaupun begitu, terdapat juga fonem-fonem yang menunjukkan kestabilan dalam sistem fonologi DMPNP, mencerminkan kesinambungan langsung daripada MP.

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, dapat dirumuskan bahawa Dialek Melayu Patani Narathiwat memiliki 18 fonem konsonan. Dapatan ini menunjukkan sedikit perbezaan berbanding dengan dapatan Suraiya (2020), yang berpendapat bahawa Dialek Melayu Patani secara umum memiliki 12 fonem vokal dan 28 fonem konsonan.

Transisi Ciri Fonologi Keluarga Tai-Kadai dalam Varian DMPNP

Sudah menjadi pengetahuan umum dalam bidang linguistik bahawa keluarga bahasa Tai-Kadai mempunyai realisasi letupan dan letusan beraspirasi (Tingsabadh & Abramson, 1993). Tiga konsonan yang dimaksudkan antaranya adalah seperti /p^h/, /t^h/, /k^h/ dan /$ʧ^h$/. Disebabkan dasar asimilasi kerajaan Thailand, fenomena ini telah menyerlahkan unsur-unsur fonologi Tai-Kadai ke dalam sistem fonologi varian DMPNP, khususnya BNL dan AKB. Kehadiran bunyi beraspirasi dalam BNL dan AKB menjadi bukti jelas bahawa varian dialek Melayu Patani Narathiwat sedang mengalami perubahan fonologi ke arah ciri-ciri yang lebih mirip dengan keluarga bahasa tersebut. Situasi ini menguatkan bukti bahawa dialek ini kini dalam proses menyerapi ciri-ciri Tai-Kadai secara beransur-ansur.

Meskipun tanda-tanda ke arah asimilasi keluarga bahasa Tai-Kadai kian menyerlah, namun BNL dan AKB masih dalam fasa transisi yang belum matang sepenuhnya. Wujud beberapa leksikal yang dipungut di lapangan (Jadual 5, Jadual 8, dan Jadual 19) masih mengekalkan ciri [-aspirasi]. Bahkan, varian AKB tidak menunjukkan penandaan jelas terhadap satu lagi fonem utama dalam keluarga bahasa Tai-Kadai, iaitu /t^h/ (Jadual 7).

Tidak mustahil bahawa fenomena asimilasi secara berperingkat ini berkemungkinan berlanjutan seiring dengan keterdesakan masyarakat Melayu untuk ‘menguruskan’ ekonomi mereka selain pertembungan interaksi bersama masyarakat Tai-Kadai di wilayah sekitarnya. Sekiranya proses ini berterusan tanpa sebarang usaha pemuliharaan yang bersistematik, perubahan fonologi akan menjadi lebih ketara, bukan

hanya dalam varian BNL dan AKB, tetapi juga dalam varian lain dialek Melayu Patani-Narathiwat. Dalam jangka panjang, keadaan ini berpotensi menyebabkan penyusutan ciri fonologi asal, sekali gus mengubah landskap linguistik dialek tersebut.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk merekonstruksi fonem konsonan dalam dialek Melayu Patani Narathiwat purba (DMPNP) dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Lokasi kajian melibatkan enam kawasan di Narathiwat, iaitu Kresor, Buketa, Puyok, Munok, Benae Luwas, dan Aikubu. Melalui penerapan teori Rekonstruksi, analisis fonem konsonan yang diperoleh merangkumi pelbagai kategori, termasuk fonem letupan, sengauan, geseran, letusan, sisian, dan separuh vokal. Hasil kajian menyoroti perbezaan dan persamaan dalam ciri fonologi DMPNP berbanding dengan Malayik Purba (MP), serta pengaruh bahasa Tai-Kadai yang dapat dijejak dalam varian DMPNP. Sebagai cadangan untuk penelitian lanjutan, peneliti disarankan untuk memberi fokus kepada pembentukan semula sistem vokal dan diftong DMPNP untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang hubungan antara MP dan DMPNP, serta membentuk pengklasifikasian varian yang lebih terperinci.

CADANGAN KAJIAN PADA MASA AKAN DATANG

Penelitian di peringkat permulaan sebegini masih memerlukan tindakan lanjutan dan kesegeraan daripada penyelidik bidang bahasa. Hal ini demikian kerana, dialek Melayu Patani Narathiwat merupakan sebuah bahasa yang duduk di sebuah negara yang menjadikan bahasa Thai sebagai bahasa perhubungan dan pengantaraan dalam sekolah-sekolah kerajaan (Phaosan & Mahamatsakree, 2019; Munirah, 2018). Ia merupakan cabaran bagi penyelidik kerana penguasaan dialek Patani Narathiwat asli akan kian menipis kerana intervensi kerajaan Thailand. Munirah (2018) menanggapi bahawa masyarakat Melayu Patani berdepan dengan dilema dari sudut sosioekonomi di mana penggunaan bahasa Melayu tidak begitu dominan dalam sektor pekerjaan menyebabkan asimilasi bahasa dimulakan sejak daripada bangku sekolah bagi membolehkan mereka menghadapi cabaran dari sudut ekonomi. Bagi memastikan cabaran ini dapat diatasi, maka kajian mencadangkan tiga kerangka penelitian.

Pertama, penyelidikan lanjutan harus menumpukan kepada pembentukan semula vokal purba dialek Melayu Patani Narathiwat. Penelitian vokal agak berbeza dengan penelitian konsonan semata-mata. Seperti kebanyakan kajian dialek Melayu, bunyi [e] dan [ɛ] boleh diklasifikasikan sebagai dua bunyi daripada satu sumber iaitu [e] (Muhammad Norsyafiq et al., 2021; Nur Habibah et al., 2023), contohnya. Namun, dalam penelitian lain, ada sarjana yang membuktikan [e] dan [ɛ] bersumberkan kepada [i] (Mohd Tarmizi et al., 2014). Oleh yang demikian, penelitian terhadap vokal purba perlukan kepada isu dan penulisannya yang tersendiri kerana kompleksiti yang didatangkan bersamanya.

Kedua, penyelidik juga harus memberikan penekanan kepada kekangan fonotaktik yang mungkin mempengaruhi kehadiran vokal-vokal dalam posisi dalam katanya. Unsur-unsur harmoni vokal dan penyesuaian dengan vokal hadapan memberi kesan kepada vokal yang berada pada posisi tengah suku kata akhir. Kajian Mohd Tarmizi et al. (2014) memberikan penekanan kepada variasi harmoni vokal yang mungkin dipengaruhi atau mempengaruhi vokal-vokal yang wujud dalam satu-satu leksikal. Sebagai contoh, kata 'gulung' yang lazimnya akan direalisasikan sebagai [guloŋ] mempunyai bunyi [o] pada posisi tengah suku kata akhir yang boleh diklasifikasikan sebagai alternasi daripada [u]. Rumusan akan kelainan vokal pada posisi akhir kata dan dapat memberikan justifikasi akan perekonstruksian yang akan dilaksanakan. Tujuan rangkap vokal ini diberikan perhatian sewajarnya agar penyelidik dapat merekonstruksi leksikal purba dengan lebih tepat.

Ketiga, penyelidik juga perlu merekonstruksi leksikon purba berdasarkan fonem-fonem purba yang telah berjaya dibina semula. Proses pendokumentasian dan penapisan leksikon 'asal' dialek Melayu Patani Narathiwat berupaya memberikan gambaran tentang perkataan-perkataan yang secara hipotesisnya wujud berdasarkan bukti perkongsian ciri antara varian-varian yang dikaji. Dalam konteks ini, pembangunan kamus dialek menjadi salah satu pencapaian penting yang mampu melengkapkan penyelidikan linguistik bandingan. Mengambil inspirasi daripada usaha Blust, Trussel & Smith (2023) dalam penyusunan kamus bahasa purba, kajian linguistik bandingan dapat dimajukan lebih jauh melalui pembinaan data raya yang bermanfaat untuk pelbagai disiplin berkaitan. Data yang diperoleh bukan sahaja memberikan impak yang signifikan dalam bidang etimologi dan leksikografi, malah memberi sumbangan yang lebih besar kepada linguistik sejarawi dalam usaha memahami evolusi bahasa.

Rangkaian bahasa Austronesia dan subkelompok bahasa di bawahnya terus menjadi bidang penyelidikan yang giat dikaji saban tahun. Dalam konteks ini, subkelompok bahasa yang lebih kecil, khususnya melibatkan tiga wilayah di selatan Thailand (Pattani, Yala, dan Narathiwat), juga perlu diberi perhatian dalam menganalisis ciri fonologi dialek proto serta hubungan kekerabatan antara bahasa yang berkaitan. Oleh itu, kajian lanjut perlu dijalankan terhadap sistem vokal (termasuk diftong), kekangan fonotaktik, serta perekonstruksian leksikal purba bagi memperjelaskan dengan lebih menyeluruh susur galur bahasa Melayu dan dialeknya.

PENGHARGAAN

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua informan yang telah meluangkan masa dan memberikan maklum balas yang sangat berharga dalam kajian ini. Sumbangan anda amat dihargai dan telah memberikan impak yang besar terhadap keberhasilan penyelidikan ini.

RUJUKAN

Abdonloh, K., Hishamudin, I., & Mashetoh, A. M. (2022). Pemugaran perubahan makna kata pinjaman bahasa Thai dalam dialek Melayu Patani. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS, 33*(1), 1-16. https://doi.org/10.22452/JOMAS.vol33no1.1

Adelaar, K. A. (1992). Proto-Malayic: *The reconstruction of its phonology and parts of its lexicon and morphology*. Pacific Linguistics.

Allen, H. B. (1971). Principles of informant selection. *American Speech, 46*(1-2), 47. https://doi.org/10.2307/3087986

Angsana, S., & Ilangko, S. (2021). Consonant changes in words borrowed from Sanskrit to Thai and Patani Malay. *International Journal of Linguistics, 13*(5), 92-102. https://doi.org/10.5296/ijl.v13i5.18957

Asmah, O. (2015). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ayatrohaedi. (1979). *Dialektologi: Sebuah pengantar*. Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.

Blust, R., Trussel, S., & Smith, A. D. (2023). *Austronesian comparative dictionary*. Zenodo. https://doi.org/10.5281/zenodo.7741197

Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1998). *Dialektologi* (A. Ayub, Trans.). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Crowley, T., & Bowern, C. (2010). *An introduction to historical linguistics* (4th ed.). Oxford University Press.

Deterding, D., Gardiner, I. A., & Noorashid, N. (2022). *The phonetics of Malay*. Cambridge University Press. https://doi.org/10.1017/9781108942836

Geoffrey, B. (2012). The Aslian languages of Malaysia and Thailand: An assessment. *Language Documentation and Description, 11*, 136-230.

Hervey, D. F. A. (1881). The Endau and its tributaries. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society,* (7), 93-132.

Ibrohim, M. (2016). *Pemetaan dialek geografi varian Yaha* [Unpublished master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibrohim, M. (2023). Penyebaran sistem vokal DMP di Yaha. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya, 2*, 267-287. https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.12

Iskandar, C. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press.

Linn, M. D. (1983). Informant selection in dialectology. *American Speech, 58*(3), 225-243. https://doi.org/10.2307/455229

Mahsun. (2005). *Metode penelitian bahasa: Tahapan strategi, metode, dan tekniknya*. Rajagrafindo Persada.

Mohd Tarmizi, H., Rahim, A., & Shahidi, A. H. (2014). *Fosil dialek Melayu Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Norsyafiq, Z., Rahim, A., & Shahidi, A. H. (2021). *Genetik purba dialek Melayu: Di lembangan tengah Sungai Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Norsyafiq, Z., Rahim, A., & Shahidi, A. H. (2023). Reconstruction of proto central of Pahang River phoneme. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities, 31*(1), 361-382. https://doi.org/10.47836/pjssh.31.1.19

Munirah, Y. (2018). Preserving ethnic identity through native language and religion: A case study of the Malay-Muslims in southern Thailand. *Global Journal Al Thaqafah, 8*(1), 57-71. https://doi.org/10.7187/GJAT072018-5

Nanthawan, P. (1978). *Panha Chao Thai Muslim nai si changwat Phak Tai (Masalah masyarakat Thai Muslim di empat wilayah selatan)*. Persatuan Sains Sosial Thailand.

Nik Anuar, N. M. (2006). *Sejarah perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nur Habibah, C. R., Rahim, A., & Shahidi, A. H. (2023). *Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan linguistik perbandingan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Paitoon, M. C. (2005). Transmorfofonologisasi suprafiks: Dialek Patani merentasi zaman. *Jurnal Bahasa, 5*(1), 51-67.

Phaosan, J., & Mahamatsakree, M. (2019). Problems of Malay language education in Patani southern Thailand. *In Proceedings of the 1st EAI Bukittinggi International Conference on Education (BICED 2019), 17-18 October 2019, Bukittinggi, West Sumatera, Indonesia*. https://doi.org/10.4108/eai.17-10-2019.2289738

Rahim, A. (2017). *Linguistik bandingan bahasa Bidayuhik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rahim, A., Deela, S., & Shahidi, A. H. (2021). *Dialek geografi Melayu Patani varian Waeng*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ruslan, U. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sareeyah, S. (2016). *Fonologi bahasa Melayu Patani varian Yala: Kajian kes di Kampung Saga dan Tannyung* [Unpublished master's thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahidi, A. H., & Mumad, C. (2020). Pemanjangan konsonan dalam dialek Melayu Patani. *GEMA Online® Journal of Language Studies, 20*(3), 181-198. https://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-11

Sturrock, A. J. (1912). Some notes on the Kelantan dialect, and some comparisons with the dialects of Perak and Central Pahang. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society,* (62), 1-7.

Suraiya, C. (2020). The phonological of Patani Malay dialect: An analysis of Autosegmental theory. *Indonesian Journal of Education, Social Sciences and Research (IJESSR), 1*(2), 71-78.

Tingsabadh, M. R. K., & Abramson, A. S. (1993). Thai. *Journal of the International Phonetic Association, 23*(1), 24-28. https://doi.org/10.1017/S0025100300004746

Wilkinson, R. J. (1932). *A Malay-English dictionary: Romanised*. Salavopoulos and Kinderlis.

Worawit, B. (1990). *Pengaruh bahasa Thai ke atas dialek Melayu Patani: Kajian kes sosiolinguistik di wilayah Pattani* [Unpublished master's thesis]. Universiti Malaya.

Worawit, B. (1999). *Dasar kerajaan dan kesannya terhadap bahasa Melayu di negara Thai* [Unpublished doctoral dissertation]. Universiti Malaya.

Zulkifley, H., & Pareeda, H. (2015). Melayu di sempadan: Penghilangan konsonan obstruent-homorganik dalam dialek Melayu Patani. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space, 11*(3), 28-41.

LAMPIRAN

Daftar Kata Varian Dialek Melayu Patani Narathiwat (DMPN)

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
1	pagi	pagiʲ	pagiʲ	pagiʲ	pagiʲ	pagiʲ	pagiʲ
2	petang	pətɛ	pətɛ	pətɛ	pətɛ	pətɛ	pətɛ
3	esok	isɔʔ	isɔʔ	ɛsɔʔ	ɛsɔʔ	ɛsɔʔ	ɛsɔʔ
4	lusa	lusɔ	lusɔ	lusɔ	lusɔ	lusɔ	lusɔ
5	bulan	bulɛ	bulɛ	bulɛ	bulɛ	bulɛ	bulɛ
6	tahun	tahaᵘŋ	tʰahoŋ	taoŋ	tahoŋ	taoŋ	tahoŋ
7	satu	sɔ	sɔ	satuʷ	sɔ	satuʷ	sɔ
8	dua	duwɔ	duwɔ	duʷɔ	duwɔ	duʷɔ	duwɔ
9	tiga	tigɔ	tigɔ	tigɔ	tigɔ	tigɔ	tigɔ
10	empat	paʔ	paʔ	paʔ	paʔ	paʔ	paʔ
11	lima	limɔ	limɔ	limɔ	limɔ	limɔ	limɔ
12	enam	nɛ	nɛ	nɛ	nɛ	nɛ	nɛ
13	tujuh	tudʒoh	tudʒoh	tudʒoh	tudʒoh	tudʒoh	tudʒoh
14	lapan	lapɛ	lapɛ	lapɛ	lapɛ	lapɛ	lapɛ
15	sembilan	mːilɛ	mːilɛ	sˢmilɛ	mːilɛ	sˢmilɛ	mːilɛ
16	sepuluh	pːuloh	pːuloh	sˢpuloh	pːuloh	sˢpuloh	pːuloh
17	ipar	ipa	ipa	ipa	ipa	ipa	ipa
18	cucu	ʧuʧuʷ	ʧuʧuʷ	ʧuʧuʷ	ʧuʧuʷ	ʧuʧuʷ	ʧuʧuʷ
19	perempuan	tːinɔ	tːinɔ	tːinɔ	tːinɔ	tːinɔ	tːinɔ
20	suami	toʔ lːakiʲ	toʔ lːakiʲ	toʔ lːakiʲ	toʔ lːakiʲ	toʔ lːakiʲ	toʔ lːakiʲ
21	isteri	biniŋ	biniŋ	biniʲ	biniŋ	biniʲ	biniŋ
22	bapa	abɔh	ʧeʔ	ʧeʔ	ajɔh	wɛ	ajɔh
23	ibu	mɛʔ	mɛʔ	mɔʔ	mɔʔ	mɛʔ	mɔʔ

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
24	datuk	ʧeʔ	ʧeʔ wɔ	ʧɛʔ wɔ	ʧɛʔ wɔ	ʧʰɛ	tɔʔ ʧʰɛ
25	nenek	mɔʔ	mɔʔ wɔ	wɔ	mɔʔ wɔ	toʔ	toʔ
26	abang	kakɔʔ jatɛ	kakɔʔ jatɛ	abɛ	kakɔʔ jatɛ	abɛ	kakɔʔ ʤatɛ
27	kakak	kakɔʔ t:inɔ	kakɔʔ t:inɔ	kakɔʔ	kakɔʔ t:inɔ	kakɔʔ	kakɔʔ t:inɔ
28	anak	anɔʔ	anɔʔ	anɔʔ	anɔʔ	anɔʔ	anɔʔ
29	adik	adeʔ	adeʔ	adeʔ	adeʔ	adeʔ	adeʔ
30	sepupu	p:upuʷ	p:upuʷ	sˢpupuʷ	p:upuʷ	sˢpupuʷ	p:upuʷ
31	saya	kitɔ	kitɔ	kawɛ	kawɛ	kitɔ	kumɔ
32	kamu	diʲɔ	dɛmɔ	dɛmɔ	dɛmɔ	diʲɔ	dɛmɔ
33	siapa	pʰijɔ	pʰijɔ	sapɔ	pijɔ	pijɔ	pʰɔdiʲɔ
34	tanya	taɲɔ	taɲɔ	taɲɔ	taɲɔ	taɲɔ	taɲɔ
35	nganga	ŋaŋɔ	ŋaŋɔ	ŋaŋɔ	ŋaŋɔ	ŋaŋɔ	ŋaŋɔ
36	dahan	dahɛ	dahɛ	dɛhɛ	dɛhɛ	dɛhɛ	dɛhɛ
37	pasir	pase	pase	pase	pase	pase	pase
38	awan	awɛ	awɛ	awɛ	awɛ	awɛ	awɛ
39	panas	panah	panah	panah	panah	panah	panah
40	beras	bɔɣah	bɔɣah	bɔɣah	bɔɣah	bɔɣah	bɔɣah
41	laut	ai laoʔ	ai laoʔ	ae laoʔ	laoʔ	ae laoʔ	laoʔ
42	langit	laŋiʔ	laŋiʔ	laŋiʔ	laŋiʔ	laŋiʔ	laŋiʔ
43	sempit	sɔpeʔ	sɔpeʔ	sɔpeʔ	sɔpeʔ	sɔpeʔ	sɔpeʔ
44	sakit	sakeʔ	sakeʔ	sakeʔ	sakeʔ	sakeʔ	sakeʔ
45	bulan	bulɛ	bulɛ	bulɛ	bulɛ	bulɛ	bulɛ
46	bintang	bitɛ	bitɛ	bitɛ	bitɛ	bitɛ	bitɛ
47	bukit	bukeʔ	bukeʔ	bukeʔ	bukeʔ	bukeʔ	bukeʔ
48	sungai	suŋa	suŋa	suŋa	suŋa	suŋa	suŋa
49	tanah	tanɔh	tanɔh	tanɔh	tanɔh	tanɔh	tanɔh
50	batu	batuʷ	batuʷ	batuʷ	batuʷ	batuʷ	batuʷ

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
51	kayu	kaju^{w}	kaju^{w}	kaju^{w}	kaju^{w}	kaju^{w}	kaju^{w}
52	air	ai	ae	a:e	ae	a:e	ae
53	pokok	paha^{u}ŋ	pahoŋ	pɔhoŋ	pɔhoŋ	pɔhoŋ	pɔhɔŋ
54	akar	aka	aka	aka	aka	aka	aka
55	daun	daoŋ	daoŋ	dauŋ	dauŋ	dauŋ	dauŋ
56	semak	ɣɔʔ	ɣɔʔ	sɘmɔʔ	ɣɔʔ	sɘmɔʔ	ɣɔʔ
57	rumput	ɣɘpuʔ	upuʔ	ɣupuʔ	ɣupuʔ	ɣupuʔ	upuʔ
58	lumpur	sɘluʔ	sɘluʔ	sɘluʔ	sɘluʔ	sɘluʔ	sɘluʔ
59	angin	aŋiŋ	aŋiŋ	aŋiŋ	aŋiŋ	aŋiŋ	aŋiŋ
60	banjir	ai bɔh	s:ɘlɛ ai	baɲ^{dʒ}e	bɔh	bɔh	bɔh
61	hujan	udʒɛ	udʒɛ	hudʒɛ	hudʒɛ	hudʒɛ	hudʒɛ
62	guruh	guɣoh	guɣoh	guɣoh	guɣoh	guɣoh	guɣoh
63	kilat	kilaʔ	p^{ə}laka	kilaʔ	p^{ə}laka	kilaʔ	m:anɔh
64	ayam	hajɛ	hajɛ	ajɛ	hajɛ	ajɛ	hajɛ
65	udang	hudɛ	hudɛ	udɛ	hudɛ	udɛ	hudɛ
66	sotong	sutoŋ	sutoŋ	sutoŋ	sutoŋ	sutoŋ	sutoŋ
67	siput	kɘʧa	kɘʧa	sipuʔ	sipuʔ	sipuʔ	sipuʔ
68	ikan	ikɛ	ikɛ	ikɛ	ikɛ	ikɛ	ikɛ
69	durian	d:ijɛ	d:ujɛ	d^{ə}ɣijɛ	d^{ə}ɣijɛ	d^{ə}ɣijɛ	d:ijɛ
70	rambutan	mɔʔtɛ	mɔʔtɛ	mɔʔtɛ	mɔʔtɛ	mɔʔtɛ	mɔʔtɛ
71	pisang	pisɛ	pisɛ	pisɛ	pisɛ	pisɛ	pisɛ
72	kelapa	ɲɔ	ɲɔ	ɲɔ	ɲɔ	ɲɔ	ɲɔ
73	betik	bɘteʔ	bɘteʔ	bɘteʔ	bɘteʔ	bɘteʔ	bɘteʔ
74	cempedak	p:ɘdɔʔ	p:ɘdɔʔ	ʧɘpɘdɔʔ	p:ɘdɔʔ	ʧɘpɘdɔʔ	p:ɘdɔʔ
75	jagung	jagoŋ	jagoŋ	ʤagoŋ	ʤagoŋ	ʤagoŋ	ʤagoŋ
76	nenas	lanah	lanah	lanah	lanah	lanah	lanah
77	limau	asɛ lima	asɛ lima nipih	asɛ lima nipih	asɛ lima	lima nipih	asɛ lima

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
78	serai	səɣa	səɣa	səɣa	səɣa	səɣa	səɣa
79	petai	pəta	pəta	pəta	pəta	pəta	pəta
80	jering	jəɣiŋ	jəɣiŋ	ʤəɣiŋ	ʤəɣiŋ	ʤəɣiŋ	ʤəɣiŋ
81	kunyit	kuɲiʔ	kuɲiʔ	kuɲiʔ	kuɲiʔ	kuɲiʔ	kuɲiʔ
82	bawang	bawɛ	bawɛ	bawɛ	bawɛ	bawɛ	bawɛ
83	telur	təlɔ	təlɔ	təlɔ	təlɔ	təlɔ	təlɔ
84	nasi	nasiʔ	nasiʔ	nasiʔ	nasiʔ	nasiʔ	nasiʔ
85	nipis	nipih	nipih	nipih	nipih	nipih	nipih
86	garam	gaɣɛ	gaɣɛ	gaɣɛ	gaɣɛ	gaɣɛ	gaɣɛ
87	gula	saka	gulɔ	gulɔ	gulɔ	gulɔ	gulɔ
88	susu	tusu	tusu	susu	tusu	tusu	tusu
89	minyak	miɲɔʔ	miɲɔʔ	miɲɔʔ	miɲɔʔ	miɲɔʔ	miɲɔʔ
90	timun	timuŋ batɛ	timuŋ batɛ	timuŋ batɛ	timuŋ batɛ	timuŋ batɛ	timuŋ batɛ
91	tauge	katʃɛ ʧamə h	katʃɛ ʧamᵇɔh	katʃɛ ʧabuʔ	katʃɛ ʧabuʔ	katʃɛ tɔgɛ	katʃɛ ʧamᵇɔh
92	sawi	ləbɔʔ	ləbɔʔ	ləbɔʔ	ləbɔʔ	ləbɔʔ	ləbɔʔ
93	petola	tːɛnɛ	tːɛnɛ	tːɛnɛ	tːɛnɛ	tːɛnɛ	tːɛnɛ
94	peria	fːijɔ	fːijɔ	pᵊɣijɔ	pʰəɣijɔ	pujɔ	pːujɔ
95	ubi	hubi	hubi	ubi	hubi	ubi	hubi
96	berjalan	ʤːalɛ	ʤːalɛ	ʤːalɛ	ʤːalɛ	ʤːalɛ	ʤːalɛ
97	kait	gahaᵉʔ	gaheʔ	kaheʔ	kaheʔ	kaheʔ	gaheʔ
98	keluar	tubeʔ	tubeʔ	tubeʔ	tubeʔ	tubeʔ	tubeʔ
99	ikat	ikaʔ	ikaʔ	ikaʔ	ikaʔ	ikaʔ	ikaʔ
100	tali	taliʲ	taliʲ	taliʲ	taliʲ	taliʲ	taliʲ
101	tidur	tido	tido	tido	tido	tido	tido
102	berenang	wːənɛ	wːunɛ	bᵊɣənɛ	bᵊɣənɛ	bᵊɣənɛ	bᵊɣənɛ
103	mencuri	ʧʰuɣi	ʧʰuɣi	ʧuɣi	ʧʰuɣi	ʧuɣi	ʧʰuɣi
104	tarik	hiɣɛʔ	ɛɣɛʔ	hɛɣɛʔ	hɛɣɛʔ	hɛɣɛʔ	hɛɣɛʔ

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
105	pukul	katɔʔ	katɔʔ	gɔdɛ	tɛ	ɣɔdɛ	tɛ
106	pulang	kʰɔleʔ	kʰɔleʔ	kɔleʔ	kʰɔleʔ	kɔleʔ	kɔleʔ
107	siram	ʤɔɣuh	ʤiɣuh	ʤiɣuh	ʤiɣuh	ʤiɣuh	ʤɔɣuh
108	tidur	tido	tido	tido	tido	tido	tido
109	hidup	idoʔ	idoʔ	hidoʔ	hidoʔ	hidoʔ	hidoʔ
110	sedap	sɔdaʔ	sɔdaʔ	sɔdaʔ	sɔdaʔ	sɔdaʔ	sɔdaʔ
111	mati	matiʲ	matiʲ	matiʲ	matiʲ	matiʲ	matiʲ
112	mati (haiwan)	mapoh	mapoh	mapuh	mapoh	mapoh	mapoh
113	tumpul	tupʰo	tupʰo	tupo	tupo	tupo	tupo
114	simpan	taɣoh	taɣoh	sipɛ	taɣoh	sipɛ	taɣoh
115	turun	tuɣoŋ	tuɣoŋ	tuɣoŋ	tuɣoŋ	tuɣoŋ	tuɣoŋ
116	kanan	kʰanɛ	kʰanɛ	kanɛ	kanɛ	kanɛ	kanɛ
117	kiri	kʰiɣiʲ	kʰiɣiʲ	kiɣiʲ	kiɣiʲ	kiɣiʲ	kiɣiʲ
118	besar	bɔsa	bɔsa	bɔsa	bɔsa	bɔsa	bɔsa
119	minta	mɛtɔʔ	mitɔʔ	mitɔʔ	mitɔʔ	mitɔʔ	mɛtɔʔ
120	muntah	mutɔh	mutɔh	mutɔh	mutɔh	mutɔh	mutɔh
121	pedih	pɔdeh	pɔdeh	pɔdih	pɔdih	pɔdih	pɔdih
122	buka	bukɔʔ	bukɔʔ	bukɔ	bukɔʔ	bukɔ	bukɔʔ
123	tutup	katoʔ	katoʔ	katoʔ	katoʔ	katoʔ	katoʔ
124	angkat	akɛʔ	akɛʔ	akaʔ	akaʔ	akaʔ	akɛʔ
125	ketawa	ŋila	ŋila	sukɔ	ŋila	sukɔ	ŋila
126	makan	makɛ	makɛ	makɛ	makɛ	makɛ	makɛ
127	hisap	isaʔ	isaʔ	hisaʔ	hisaʔ	hisaʔ	hisaʔ
128	tajam	taʤɛ	taʤɛ	taʤɛ	taʤɛ	taʤɛ	taʤɛ
129	lebar	lɛba	lɛba	lɛba	lɛba	lɛba	lɛba
130	cepat	dɔɣah	dɔɣah	ʧɔpaʔ	dɔɣah	baŋaʔ	baŋaʔ
131	lambat	lamaʔ	lamaʔ	lamᵇaʔ	lamᵇaʔ	lamᵇaʔ	lamᵇaʔ

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
132	marah	muɣeh	muɣeh	maɣɔh	muɣeh	maɣɔh	maɣɔh
133	gemuk	gəmɔʔ	gəmɔʔ	gəmuʔ	gəmuʔ	gəmuʔ	gəmuʔ
134	kering	kʰəɣiŋ	kʰəɣiŋ	kəɣiŋ	kʰəɣiŋ	kəɣiŋ	kʰəɣiŋ
135	kotor	ʧʰəma	ʧʰəma	ʧəma	ʧʰəma	ʧəma	ʧʰəma
136	busuk	busuʕ	busuʕ	busuʔ	busuʕ	busuʔ	busuʕ
137	jarum	jaɣoŋ	jaɣoŋ	ʤaɣoŋ	ʤaɣoŋ	ʤaɣoŋ	ʤaɣoŋ
138	kelat	kʰəlaʔ	kʰəlaʔ	kəlaʔ	kʰəlaʔ	kəlaʔ	kʰəlaʔ
139	manis	manih	manih	manih	manih	manih	manih
140	benci	bəʧʰi	bəʧʰi	bɛʧi	bəʧʰi	bɛʧi	bɛʧʰi
141	tua	tʰuwɔ	tʰuwɔ	tuwɔ	tʰuwɔ	tuwɔ	tʰuwɔ
142	muda	mudɔ	mudɔ	mudɔ	mudɔ	mudɔ	mudɔ
143	penuh	pənɔh	pənɔh	pənuh	pənuh	pənuh	pənuh
144	putih	puteh	puteh	puteh	puteh	puteh	puteh
145	hijau	iʤa	iʤa	hiʤa	hiʤa	hiʤa	hiʤa
146	merah	mɛɣɔh	mɛɣɔh	mɛɣɔh	mɛɣɔh	mɛɣɔh	mɛɣɔh
147	kuning	kuniŋ	kuniŋ	kuniŋ	kuniŋ	kuniŋ	kuniŋ
148	orang	uɣɛ	uɣɛ	ɔɣɛ	ɔɣɛ	ɔɣɛ	ɔɣɛ
149	kulit	kuleʔ	kuleʔ	kuleʔ	kuleʔ	kuleʔ	kuleʔ
150	telinga	l:iŋɔ	l:iŋɔ	tˢliŋɔ	l:iŋɔ	tˢliŋɔ	tˢliŋɔ
151	kepala	p:alɔ	p:alɔ	p:alɔ	p:alɔ	p:alɔ	p:alɔ
152	leher	təkɔʔ	təkɔʔ	təkɔʔ	təkɔʔ	təkɔʔ	təkɔʔ
153	otak	utɔʔ	utɔʔ	ɔtɔʔ	ɔtɔʔ	ɔtɔʔ	ɔtɔʔ
154	jantung	jatoŋ	jatoŋ	ʤatoŋ	jatoŋ	ʤatoŋ	ʤatoŋ
155	uban	hubɛ	hubɛ	ubɛ	hubɛ	ubɛ	hubɛ
156	pusat	pusaʔ	pusaʔ	pusaʔ	pusaʔ	pusaʔ	pusaʔ
157	lengan	ləŋɛ	ləŋɛ	ləŋɛ	ləŋɛ	ləŋɛ	ləŋɛ
158	tangan	taŋɛ	taŋɛ	taŋɛ	taŋɛ	taŋɛ	taŋɛ

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
159	muka	$muk^hɔ$	$muk^hɔ$	mukɔ	mukɔ	mukɔ	mukɔ
160	lemak	ləməʔ	ləməʔ	ləməʔ	ləməʔ	ləməʔ	ləməʔ
161	mata	matɔ	matɔ	matɔ	matɔ	matɔ	matɔ
162	mulut	muloʔ	muloʔ	muloʔ	muloʔ	muloʔ	muloʔ
163	jari	jaɣiʲ	jaɣiʲ	ʤaɣiʲ	ʤaɣiʲ	ʤaɣiʲ	ʤaɣiʲ
164	kaki	kakiʲ	kakiʲ	kakiʲ	kakiʲ	kakiʲ	kakiʲ
165	dagu	daguʷ	daguʷ	daguʷ	daguʷ	daguʷ	daguʷ
166	gusi	gusiʲ	gusiʲ	gɔsiʲ	gɔsiʲ	gɔsiʲ	gɔsiʲ
167	pipi	pipiʲ	pipiʲ	pipiʲ	pipiʲ	pipiʲ	pipiʲ
168	gigi	gigiʲ	gigiʲ	gigiʲ	gigiʲ	gigiʲ	gigiʲ
169	perut	$p^hɘɣoʔ$	$p^hɘɣoʔ$	pɘɣoʔ	pɘɣoʔ	pɘɣoʔ	pɘɣoʔ
170	siku	sikuʷ	sikuʷ	sikuʷ	sikuʷ	sikuʷ	sikuʷ
171	rusuk	ɣusoʔ	ɣusoʔ	ɣusoʔ	ɣusoʔ	ɣusoʔ	ɣusoʔ
172	urat	uɣaʔ	uɣaʔ	ɔɣaʔ	ɔɣaʔ	ɔɣaʔ	ɔɣɔʔ
173	hidung	idoŋ	idoŋ	hidoŋ	hidoŋ	hidoŋ	hidoŋ
174	rumah	ɣəməh	umɔh	ɣumɔh	ɣumɔh	ɣumɔh	umɔh
175	dapur	dapo	dapo	dapo	dapo	dapo	dapo
176	tiang	$t^hiʲɛ$	$t^hijɛ$	tijɛ	$t^hiʲɛ$	tijɛ	$t^hijɛ$
177	jendela	nːɛlɔ	nːɛlɔ	pitu nːɛlɔ	nːɛlɔ	pitu nːɛlɔ	pitu nːɛlɔ
178	perigi	lːagɔ	lːagɔ	$tᵊlagɔ$	lːagɔ	$tᵊlagɔ$	lːagɔ
179	bantal	bata	bata	bata	bata	bata	bata
180	ubat	obaʔ	ɔbaʔ	ubaʔ	hubaʔ	ubaʔ	hubaʔ
181	cabut	ʧabuʔ	ʧabuʔ	ʧabuʔ	ʧabuʔ	ʧabuʔ	ʧabuʔ
182	semut	sumuʔ	sumuʔ	sumuʔ	sumuʔ	sumuʔ	sumuʔ
183	kambing	kameŋ	kameŋ	$kam^beŋ$	$kam^beŋ$	$kam^beŋ$	$kam^beŋ$
184	lembu	ləmu	ləmu	$ləm^bu$	$ləm^bu$	$ləm^bu$	$ləm^bu$
185	gajah	ɣadʒɔh	ɣadʒɔh	gadʒɔh	gadʒɔh	gadʒɔh	gadʒɔh

Bil.	Erti Kata	Sungai Padi		Sungai Kolok		Waeng	
		AKB	BNL	MNK	PYK	BKT	KRS
186	biri-biri	bːiɣiŋ	bːiɣiŋ	bːiɣiʲ	bːiɣiʲ	bːiɣiʲ	bːiɣiʲ
187	anjing	haɲiŋ	haɲiŋ	aɲiŋ	haɲiŋ	aɲiŋ	haɲiŋ
188	kera	kʰəɣɔ	kʰəɣɔ	kəɣɔ	kʰəɣɔ	kəɣɔ	kʰəɣɔ
189	burung	buɣoŋ	buɣoŋ	buɣoŋ	buɣoŋ	buɣoŋ	buɣoŋ
190	kucing	kuʧiŋ	kuʧiŋ	kuʧiŋ	kuʧiŋ	kuʧiŋ	kuʧiŋ
191	buaya	bɔjɔ	bɔjɔ	bɔjɔ	bɔjɔ	bɔjɔ	bɔjɔ
192	nyamuk	ɲamɔʔ	ɲamɔʔ	ɲamɔʔ	ɲamɔʔ	ɲamɔʔ	ɲamɔʔ
193	nyawa	ɲawɔ̃	ɲawɔ̃	ɲawɔ̃	ɲawɔ̃	ɲawɔ̃	ɲawɔ̃
194	rama-rama	ɣːamɔ	ɣːamɔ	gˤlamɔ	gːamɔ	gˤlamɔ	gˤlamɔ
195	biawak	ʤːɛwɔʔ	bɛwɔʔ	ʤːɛwɔʔ	bɛwɔʔ	bɛwɔʔ	ʤːɛwɔʔ
196	ulat	hulaʔ	hulaʔ	ulaʔ	hulaʔ	ulaʔ	hulaʔ
197	cacing	ʧaʧiŋ	ʧaʧiŋ	ʧaʧiŋ	ʧaʧiŋ	ʧaʧiŋ	ʧaʧiŋ
198	labah-labah	lːabɔ	lːabɔ	lːabɔ	lːabɔ	lːabɔ	lːabɔ
199	cakar	kʰəkɑ̃	kəkɑ̃	ɣukɑ̃	kʰəkɑ̃	kəkɑ̃	kəkɑ̃
200	ekor	ikɔ	ikɔ	ɛkɔ	ɛkɔ	ɛkɔ	ɛkɔ